



• BIL 304 • 7 - 13 MAC 2025 • PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

## MEMUGAR SEMULA IMEJ, WAJAH LABUAN'

>> 2-4

Perkasa sistem  
kelulusan  
>> 7

Wira Muda sahut  
seruan ibu pertiwi  
>> 9 - 11

Memahami  
miskin bandar  
>> 15

Labuan tidak dipinggirkan Kerajaan Persekutuan

# MEMAJU EKONOMI, PELANCONGAN

**D**ILANTIK sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Labuan (PL) yang baharu, **MOHD SUKURAN TAIB** kini memegang tugas dan tanggungjawab untuk mengembalikan nama Labuan sebagai destinasi pelaburan utama.

Memiliki pengalaman luas dalam perancangan bandar selama 29 tahun, anak jati Kelantan ini melihat Labuan memiliki banyak peluang untuk dibangunkan, baik dari segi ekonomi maupun pelancongan.

Hadir dengan Rancangan Struktur Labuan (RSL) 2040, walau bagaimanapun Labuan baginya perlu segera menyelesaikan isu-isu setempat terutama berkaitan bekalan air.

Kepada wartawan Wilayahku, **AINI MAWAWI, SERIMAH SALLEHUDDIN** dan **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau turut berkongsi visi untuk memugar semula Labuan.

**Labuan sebelum ini diisytihar sebagai Pulau Bebas Cukai pada 1 September 1956 dan Pusat Kewangan Antarabangsa pada 1990. Namun Labuan kini dilihat seakan-akan lesu. Keadaan di Labuan masih lagi daif, dari pelbagai aspek, terutama isu air. Bagaimana pandangan Perbadanan Labuan mengenai isu ini?**

Perbadanan Labuan komited untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat itu sendiri. Sudah tentu pelbagai usaha kita ambil untuk memastikan dari segi infrastruktur dan kemudahan awam di Labuan itu dapat disediakan.

Bertitik tolak daripada itu, sudah tentu b a n y a k

peruntukan kita mohon di peringkat Persekutuan dalam memastikan infrastruktur dan utiliti di peringkat Labuan dapat ditingkatkan.

Memang saya akui masih ada isu bekalan air di Labuan dalam konteks gangguan bekalan air apabila berlaku kerosakan kepada sistem perpaipan ataupun fasiliti paip itu sendiri.

Isu ini menjadi perkara utama di mana di peringkat Persekutuan telah meluluskan RM454 juta bagi tempoh lima tahun untuk membaiki dan menaik taraf bekalan air di Labuan.

kerja-kerja menaik taraf infrastruktur bekalan air di Labuan sepanjang 106.7 kilometer (km) dan fasa satu sudah siap 35 peratus (%), lebih kurang dalam 37km sudah dinaik taraf. Dengan infrastruktur yang sedang dinaik taraf dan dari segi kemudahan-kemudahan yang telah dirancang untuk dibaiki, saya jangkakan keadaan di Labuan akan dapat ditingkatkan dari segi infrastruktur dan kualiti hidup.

Dari segi bekalan elektrik, kalau lihat penggunaannya masih mencukupi dengan janakuasa sedia ada dan dua projek ladang solar termasuk di Kampung Bukit Kalam. Maknanya dari segi jumlah penghasilan tenaga elektrik di peringkat Labuan itu mencukupi untuk digunakan.

Dalam konteks meningkatkan ekonomi di Labuan, sejak COVID-19 ia memang agak lesu. Apabila saya dilantik ke PL, antara hala tuju saya ialah meningkatkan pelancongan. Sebab itu pelancongan menjadi hala tuju baharu untuk memastikan ada aktiviti-aktiviti yang boleh kita tarik pengunjung ke Labuan.

**B a g i m a n a dengan statistik k e m a s u k a n pelancong ke Labuan? Apa yang Labuan mampu tawarkan dan bagaimana Labuan boleh setanding dengan pulau-pulau pelancongan lain khususnya Langkawi? Nama Labuan agak jarang didengari sebagai destinasi utama pelancongan.**

Kita sedang menyediakan *blue print* pelancongan Labuan. Ia dijangka siap bulan depan. Ini akan menggariskan langkah dan tindakan-tindakan meningkatkan lagi pembangunan pelancongan di Labuan. Melihat kepada statistik jumlah pengunjung yang datang ke Labuan, pada

tahun 2024 ada 1.1 juta pelancong dan juga orang yang berulang-alik ke Labuan. Pada 2023 iaitu 1.2 juta orang pelancong dan 2022 (966,387 orang).

Dengan cadangan enam event utama iaitu Sambutan Hari Wilayah; Labuan International Sea Challenge (LISC) pada 22-27 April; Borneo Flora Festival pada Julai; Borneo Art Festival (Ogos); Merdeka Trophy Day dan Labuan Remembrance Day, ia dijangka menarik jumlah pengunjung.

Borneo Flora Festival contohnya mampu menarik 50,000 pengunjung. Daripada enam event itu, kita ada 40 program sampingan.

Saya jangka ada peningkatan 10-15 peratus daripada jumlah kedatangan pelancong untuk tahun ini. Untuk memastikan hala tuju pelancongan ini berjaya, pelbagai promosi telah kita buat, pelbagai tindakan-tindakan di samping kerjasama antara agensi termasuk meningkatkan *connectivity*. Salah satu usaha yang akan berjaya nanti adalah perkhidmatan feri Labuan-Kota Kinabalu yang akan mendapat kelulusan kerajaan negeri Sabah.

Kita harap Mei atau Jun ini, perkhidmatan feri berkenaan akan dapat dijayakan.

**Aspek penting dalam ekonomi yang mampu atau berpotensi dibangunkan di Labuan, selain sektor gas dan minyak?**

Seperti digariskan menerusi pelbagai dokumen perancangan, daripada Labuan Blue Print sehingga kepada RSL 2040 yang telah disiapkan, memang menggariskan sektor gas dan minyak sebagai aktiviti ekonomi utama yang menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Labuan. Saya memang tidak menafikan itu sebagai aktiviti utama ekonomi di Labuan.

Di samping itu, dari segi sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, itu masih lagi kukuh di Labuan. Di peringkat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) itu sendiri sedang memperkenalkan dari segi hab kewangan Islam. Maknanya di samping pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, antara produk utama adalah untuk mengukuhkan hab kewangan Islam di mana saya rasa berbilion-bilion ringgit telah dikutip berdasarkan kepada cukai dan juga kos operasi daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Labuan menerusi Labuan FSA. Itu antara kegiatan ekonomi yang utama.

Saya ingin menarik perhatian kepada cadangan pelaburan oleh swasta, pertamanya untuk mengembangkan industri tuna di Labuan. Sekarang sudah ada, cuma ini yang boleh kita kembangkan lagi.

Kita usahakan melalui kerjasama Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk melihat hala tuju industri tuna di Labuan. Di peringkat global, sebanyak AS\$42 bilion dihasilkan melalui industri tuna dan dijangka melonjak AS\$54 bilion pada 2032. Sebab itu saya melihat kepada usaha untuk Labuan mengambil peluang tersebut dan berpotensi menjadi hab tuna.

Ada juga cadangan daripada industri marin untuk bekerjasama dengan syarikat dari China iaitu membina sangkar ikan seluas 50 hektar di perairan Labuan. Ini satu lagi peluang untuk Labuan menambah nilai kepada sektor ekonominya.

**Bagaimanakah dengan aspek pembangunan ekonomi setempat, contohnya ekonomi yang boleh menjana kehidupan penduduk? Antaranya perniagaan kecil-kecilan seperti ikan bilis atau tuna? Industri makanan? Kraf tangan?**

Jika melihat kepada konteks skala kecil, kraf tangan antara diberi perhatian bagi melengkapkan lagi produk pelancongan di peringkat Labuan.

Kita telah berjumpa dengan tiga persatuan kraf tangan terbesar dengan penglibatan 27 penggerak kraf tangan dan satu premis di Perbadanan Labuan akan dijadikan pusat untuk persatuan berkenaan memamerkan produk kraf tangan mereka.

Selain itu, pengusaha juga boleh mendapat bekalan produk dari pusat disediakan. Kita juga sedang mengenal pasti dan akan mengiktiraf jenama tempatan. Lawa sebagai salah satu jenama produk yang terdapat di Wilayah Persekutuan.

Ini akan menjadi nilai tambah kerana kita ada jenama yang dikhushuskan kepada produk Labuan.

Antara tarikan utama adalah batik linut yang menggunakan ambuyat sebagai medium percetakan batik.

Dalam konteks penjaja, perbandaran memberi keutamaan kepada peniaga kecil sebagai contoh ketika sambutan Hari Wilayah, kita melibatkan lebih kurang 300 penjaja. Mereka mendapat manfaat sepanjang tempoh seminggu acara berlangsung.

Kita mempunyai 40 lagi program yang boleh disertai penjaja kecil di Labuan.

Bagi bazar Ramadan saja, kita ada tujuh lokasi yang terletak di Labuan Walk, Anjung Selera Durian Tunjong, Kompleks Ujana Kewangan, Kolej Matrikulasi Labuan, Taman Mutiara, Taman Damai Kampung Layang-Layangan dan Lembaga Pertubuhan Peladang Labuan, Kampung Pantai.

**Perancangan 10 tahun ini untuk Labuan? Apa yang hendak dibangunkan atau strategi supaya Labuan mampu menjadi pusat ekonomi dan pelancongan utama negara?**

Apabila melihat keperluan jangka masa panjang, pihak perbadanan telah menggubal satu dokumen RSL 2040 yang menggariskan dasar-dasar strategi inisiatif pelaksanaan dari 2025 hingga 2040.

Kita gariskan visi Labuan Sejahtera, Mampan dan Pintar, daripada visi tersebut, 23 dasar, 56 strategi dan 241 inisiatif pelaksanaan telah digariskan.

Ini akan menjadikan satu *blue print* perancangan dan dokumen panduan untuk hala tuju perancangan serta pembangunan Labuan sama ada selama 10 tahun atau untuk jangka masa panjang sehingga 2040.

Kita juga menggariskan lima tonggak pembangunan utama untuk memperkasa ekonomi Labuan. Langkah yang digariskan adalah menjadikan Labuan sebagai gerbang wilayah melalui pengukuhan hubungan fizikal sosial dan ekonomi.

Kemampuan mana-mana pembangunan yang kita gariskan hendaklah mematuhi syarat dengan garis panduan dan peruntukan akta.

Segala aktiviti ekonomi dan pembangunan hasilnya adalah untuk kesejahteraan rakyat Labuan termasuk kemudahan prasarana.

Kita akan pastikan pembangunan infrastruktur yang dinamik, efisien dan sejahtera dilaksanakan ini termasuk pembaikan sistem perpaipan dalam tempoh lima tahun selain menaik taraf jalan.

Selain itu, kita juga mendapat peruntukan untuk menaik taraf terminal jeti roro serta kajian kebolehlaksanaan Jambatan Labuan-Menumbok.

Kita juga ingin meningkatkan pengeluaran makanan kerana Labuan masih lagi



bergantung kepada bahan mentah seperti sayur-sayuran dari Sabah.

Semua itu akan ditingkatkan dalam tempoh lima ke 10 tahun supaya Labuan dapat bertahan dan kebergantungan dapat diminimumkan.

**Komen PL mengenai Labuan seakan-akan dipinggirkan dan lebih baik dikembalikan kepada Sabah? Perkara ini pernah disuarakan dalam Sidang Belia Wilayah Persekutuan baru-baru ini.**

Saya rasa kenyataan itu tidak berasas, hampir empat bulan memegang jawatan sebagai CEO di Perbadanan Labuan, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan RM3 juta untuk melakukan kajian teknikal pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok.

Bermaksud Kerajaan Persekutuan tidak meminggirkan dari segi keperluan untuk pembangunan Labuan.

Sebanyak RM5 juta lagi digunakan untuk menaik taraf perkhidmatan feri roro bagi kemudahan 885,000 penduduk yang berulang-alik ke Labuan.

Dengan adanya pembangunan di Labuan dan keutamaan yang diberikan kepada infrastruktur, itu menunjukkan yang pembangunan itu memberi impak kepada pembangunan ekosistem dan ramai yang bakal mendapat manfaat daripada jumlah peruntukan diberikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa juga setiap bulan turun ke Labuan untuk memastikan segala arahan peruntukan dapat disalurkan dan dilaksanakan mengikut jadual untuk manfaat penduduk dan pembangunan Labuan.

Maka elemen dipinggirkan adalah satu perkara yang tidak benar sama sekali kerana bukti jelas dapat dilihat melalui pengagihan peruntukan daripada kerajaan.

**Bagaimana dengan prospek pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok? Sejauh mana keperluannya dan apakah ia mampu meningkatkan ekonomi setempat?**

Secara prinsipnya ia adalah satu cadangan yang sangat baik dan diperlukan penduduk Labuan selain komitmen kerajaan sendiri di mana telah meluluskan sejumlah RM3 juta untuk memastikan kajian *feasibility study* yang melihat kepada projek tersebut secara fizikalnya, teknikal dan keperluan sosial ekonomi sendiri. Jadi hasil daripada kajian ini nanti dapat membuktikan bahawa ia boleh dilaksana ataupun tidak melihat kepada sejauh mana kesan sosioekonomi Labuan.



Tetapi secara amnya saya melihat kepada apa yang berlaku di Pulau Pinang dengan pembinaan Jambatan Pulau Pinang dahulu. Kita melihat kesan selepas hampir 30 tahun pembangunan ekonomi Pulau Pinang semakin pesat. Saya rasa senarionya sama dan boleh berlaku di Labuan.

Maksudnya ada peningkatan kepada aktiviti ekonomi yang sudah tentu kesan kepada sosial sangat tinggi apabila masyarakat Labuan yang mempunyai keluarga di Sabah boleh berkunjung ke sana dengan mudah, bagi elemen kecemasan pula, contohnya apabila Hospital Labuan tidak boleh menampung pesakit, maka boleh terus ke hospital di Kota Kinabalu.

Jadi secara dasarnya sangat positif cuma menunggu hasil kajian untuk memastikan ada *direction* baru daripada kerajaan sama ada melihat kepada keperluan membina jambatan tersebut dalam masa terdekat, sederhana atau panjang bergantung kepada keupayaan dan pengukuhan kewangan pada masa tersebut.

**Rancangan Struktur Labuan (RSL) 2040 apakah ia mampu menjadi realiti? Di sebalik perancangan itu, apa inti pati penting dalam memugar semula imej Labuan?**

Dengan adanya dokumen tersebut ia boleh menjadi panduan yang kukuh kepada semua agensi untuk merancang pembangunan,

infrastruktur berdasarkan kepada apa yang digariskan.

Lima tonggak yang telah kita gariskan iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampanan pembangunan, kesejahteraan masyarakat, prasarana makmur, pematahan tadbir urus dan terdapat strategi-strategi untuk menjadikan labuan sebagai pusat penyelenggaran dan baik pulih kapal.

Terdapat juga cadangan Pembangunan Pelabuhan Labuan Bersepadu, semua cadangan tersebut telah digariskan dalam dokumen dan menjadi tanggungjawab kepada agensi-agensi berkaitan untuk ambil perkara ini dan mohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bergantung kepada perancangan setiap agensi itu sendiri.

**Apakah prasyarat bagi mencapai matlamat RSL 2040?**

Kita telah muktamadkan dan masa ini sedang dalam untuk mewartakan apabila melalui penyediaan di bawah Akta 172, mananya rancangan struktur atau kemajuan yang telah disediakan perlu diwartakan untuk diguna pakai di peringkat agensi. Jadi apabila telah diwartakan ia perlu digunakan oleh semua agensi di peringkat Labuan termasuk Perbadanan Labuan.

Menjadi kewajipan kepada agensi-agensi

apabila ingin menyediakan cadangan peruntukan untuk dikemukakan di bawah RMLT, ia menjadi prasyarat kepada Kementerian Ekonomi di mana permohonan bajet itu adalah berdasarkan kerangka yang telah kita gariskan.

**Sebagai CEO baharu PL, sudah tentu ada tanda aras kejayaan yang mahu Tuan capai. Apa yang hendak Tuan lihat terhadap kejayaan dan kemajuan Labuan?**

Apabila saya ditemu duga untuk menjawat jawatan ini, ada pelbagai perkara telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) antara perkara utama yang saya bawa apabila menjawat tugas ini adalah melihat kepada hala tuju pembangunan Labuan itu sendiri.

Kalau saya tidak boleh mengembalikan keagungan zaman minyak dan gas sepekimana 10 ke 15 tahun dahulu maka adalah hasrat untuk memastikan ada sumbangan saya untuk meningkatkan ekonomi Labuan seperti akan memberi penekanan kepada pembangunan sektor pelancongan yang sebelum ini saya rasa tidak dilihat sebagai satu sektor yang boleh memberi pendapatan kepada Labuan.

Untuk kita memugar semula bandar Labuan, kita memerlukan satu suntikan baharu seperti aktiviti pelancongan untuk menarik orang datang dan aktiviti perniagaan akan meningkat.

Selain itu, melihat kepada peluang-peluang baharu untuk membawa pelabur datang yang melibatkan industri-industri berkaitan perikanan salah satunya tuna. Labuan dikelilingi pulau dan perikanan juga merupakan industri yang sangat berkembang di sini. Cuma tidak diberi penekanan tidak diteroka untuk menjadi satu industri berdaya maju.

Industri perkapalan pula memberi pulangan yang lumayan, kita ada dua *shipyard* yang memberi perkhidmatan baik pulih kepada kapal-kapal perairan. Labuan menjadi satu tempat berlabuh untuk kapal kerana bayaran yang murah, jadi dengan mengambil peluang tersebut aktiviti kapal dapat dipertingkatkan, diperbesarkan *shipyard* dan menambahkan kapal yang boleh dibaiki. Saya menjangkakan sekiranya kerajaan meluluskan Pembangunan Pelabuhan Labuan Bersepadu pada masa akan datang akan memberi satu lagi *game changer* kepada Labuan. Satu lagi sudah tentu hasrat besar saya adalah untuk menjayakan dalam tempoh lima tahun dapat merealisasikan untuk memulakan pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok bagi memastikan satu legasi yang boleh saya tinggalkan kepada penduduk Labuan.

**WILAYAHKU**



## PEMAKLUMAN

Selaras dengan perkembangan teknologi dan trend bacaan masa kini, **WILAYAHKU** akan menerokai edisi digital (*e-paper*) bagi memberi akses yang lebih pantas, mesra pembaca dan mesra alam.

Pembaca boleh terus menikmati kandungan berita, rencana dan informasi terkini secara digital. Untuk akses mudah, imbas **KOD QR** yang disediakan atau layari platform digital **WILAYAHKU**.

Sebarang makluman terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kami menghargai sokongan berterusan anda dalam perjalanan baharu ini.

Industri minyak, gas masih penyumbang utama

# LABUAN MILIKI POTENSI BESAR



KHAIRUL IDIN

**L**ABUAN memiliki potensi besar dalam pembangunan ekonomi serantau khususnya sebagai hab kewangan antarabangsa, pusat perdagangan dan destinasi pelancongan yang strategik.

Usaha strategik seperti peningkatan infrastruktur, pemerkasaan modal insan dan pelaksanaan dasar yang mesra pelabur adalah faktor utama yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), **Dr Jaludin Janteng**, kedudukannya yang unik sebagai Wilayah Persekutuan dengan status pelabuhan bebas cukai menjadikannya sebagai tarikan utama untuk pelabur asing.

Katanya sektor kewangan dan perkhidmatan terus berkembang dengan menawarkan insentif cukai yang menarik, terutama dalam bidang perbankan, insurans dan pengurusan kekayaan.

"Labuan berpotensi menjadi pusat utama bagi inovasi kewangan, termasuk fintech dan kewangan Islam yang semakin mendapat perhatian global."

"Selain itu, industri minyak dan gas masih menjadi antara penyumbang utama kepada

ekonomi Labuan.

"Namun terdapat keperluan untuk mempelbagaikan sektor ekonomi, termasuk meneroka industri hijau seperti tenaga boleh diperbaharui dan pelancongan lestari," katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya pelaburan dalam tenaga solar dan ekopelancongan boleh membuka peluang baru bagi pembangunan mampan dan menarik pelancong yang mencari pengalaman unik.

Beliau berkata dari aspek perdagangan dan logistik, Labuan memiliki potensi besar dalam meningkatkan daya saingnya dengan menambah baik infrastruktur pelabuhan serta sistem pengangkutan sedia ada.

"Adalah dicadangkan agar kerajaan mempertimbangkan semula projek Jambatan Labuan-Menumbok sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi

jangka panjang.

"Pembangunan jambatan ini akan meningkatkan hubungan Labuan dengan Sabah, mengurangkan kos logistik dan mempercepatkan pertumbuhan sektor perniagaan serta pelancongan," katanya.


Jaludin menegaskan secara keseluruhan, Labuan mempunyai potensi besar untuk berkembang sebagai sebuah pusat ekonomi serantau.



JALUDIN



STATUS pelabuhan bebas cukai menjadikan Labuan tarikan utama pelabur asing.





# AWAS!

## JANGAN KLIK PAUTAN MENCURIGAKAN!



**PAUTAN MENCURIGAKAN BOLEH MENYEBABKAN:**

- ⚠ PENIPUAN & KECURIAN DATA
- ⚠ AKAUN BANK DIGODAM
- ⚠ PERISIAN HASAD (MALWARE) MENGAWAL PERANTI ANDA

**APA YANG PERLU DILAKUKAN?**

- 🚫 ABAIKAN & PADAM SMS TERSEBUT
- 📞 SEMAK DENGAN PIHAK RASMI SEBELUM BERTINDAK
- 📣 LAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA JIKA MENCURIGAKAN
- 🔒 LINDUNGİ DIRI & DATA ANDA. JANGAN JADI MANGSA PENIPUAN!



Suruhanjaya Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



skmm\_mcmc



MCMCTV

# SPRM TIDAK SEBELAHI MANA-MANA PIHAK

**S**IASATAN yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap empat bekas pegawai kanan kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melibatkan kes rasuah dan pengubahan wang haram menjadi bahan perbualan netizen di media sosial.

Namun begitu, ada netizen yang menimbulkan persoalan malah menuduh 'serangan' terbaru itu dikaitkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akibat tidak sealiran pendapat meskipun masing-masing dalam blok kerajaan.

Dakwa mereka, kerajaan tidak menangani sepenuhnya isu rasuah dan hanya tertumpu kepada sesiapa yang dianggap musuh dalam politik.

Dalam masa yang sama, mereka mendakwa Perdana Menteri perlu membuktikan bahawa usaha membanteras rasuah tidak berat sebelah dan tidak digunakan sebagai alat untuk menekan musuh politiknya.

Tuduhan itu memang tidak berasas sama sekali kerana Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan kesemua empat individu yang ditahan itu disiasat atas dakwaan rasuah dan



AZAM menegaskan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram bukan bermotif politik.

pengubahan wang haram namun mereka telah dibebaskan dengan jaminan selepas tempoh reman tamat pada 23 dan 25 Februari lalu.

Dalam masa yang sama menurut Azam siasatan terhadap Ismail Sabri berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram bukan bermotif politik.

Katanya siasatan itu dilakukan secara telus dan bukan atas arahan daripada mana-mana pihak.

"Saya tanya anda semula (wartawan), adakah anda rasa

siasatan SPRM terhadap Ismail Sabri ini bermotif politik?

"Saya tidak rasa begitu. Saya kekal dengan prinsip menyiasat dengan profesional dan telus tanpa mengambil kira sebarang darjah atau kedudukan.

"Tiada arahan daripada mana-mana pihak. Kita buat siasatan berdasarkan maklumat dan laporan yang kita terima," katanya dalam sidang media baru-baru ini.

Pada Ahad lalu, SPRM mengesahkan Ismail Sabri

disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram.

SPRM dalam kenyataan berkata fokus siasatan tertumpu kepada perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti semasa pemimpin tersebut menerjui kerajaan.

SPRM turut mengesahkan telah merampas wang tunai RM170 juta dalam pelbagai mata wang asing serta menyita 16 kilogram jongkong emas tulen dianggar bernilai RM7 juta di beberapa premis.

## Telah lama berlaku - Mohamad

**PELBAGAI** tohmahan, kata-kata kesat dan fitnah dilemparkan terhadap Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu apabila isu pencampuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI), kecoh diperkatakan.

Ramai yang marah apabila menteri itu tidak pantas menjawab segala dakwaan itu. Kata mereka menteri itu telah kantoi dan sah menipu rakyat Malaysia.

Jangan cepat melatah, beliau mengambil masa untuk menjawab dakwaan tersebut kerana tidak mahu mencetuskan lagi kemarahan rakyat dan menunggu keadaan reda.

Akhirnya pemimpin berkenaan tampil memberi penjelasan yang membuatkan rakyat berpuas hati.

Menurutnya amalan pencampuran beras BPT dan BPI berlaku sejak 1970-an lagi, iaitu selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) di bawah pentadbiran kerajaan-kerajaan terdahulu.

Mohamad berkata amalan itu bukannya baru berlaku ketika pemerintahan kerajaan sekarang.

Beliau memberitahu sepanjang pelaksanaan Task Force Khas Bersepadan Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT), kementeriannya telah menerima maklumat bahawa kampit BPI yang dijual di pasaran



MOHAMAD ketika menjawab mengenai isu beras di sidang Dewan Rakyat.

mengandungi campuran kandungan BPT dan BPI.

"Untuk mengesan dan mengesahkan pencampuran ini, KPKM mengarahkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menggunakan teknologi yang boleh mengesan pencampuran beras."

"Hasilnya, MARDI berjaya membangunkan teknologi ini, analisis dijalankan dengan membuat perbandingan profil DNA beras melalui sampel yang diperolehi dengan profil DNA padi varieti tempatan yang telah diisytiharkan di Malaysia.

Mohamad berkata demikian

dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar), yang mahu tahu ke mana perginya beras tempatan untuk rakyat sedangkan keluasan sawah negara adalah lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih 2.4 juta tan metrik padi semusim.

Mohamad menambah melalui teknologi ini, analisis dijalankan dengan membuat perbandingan profil DNA beras melalui sampel yang diperolehi dengan profil DNA padi varieti tempatan yang telah diisytiharkan di Malaysia.

"Keputusan analisis oleh MARDI

menunjukkan wujud persamaan profil DNA dengan varieti padi tempatan atau dengan kata lain berlaku percampuran BPT dengan BPI dalam kampit BPI.

"Bagaimanapun, berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundungan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang khusus yang jelas bagi pendakwaan kes di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras," katanya.

Bulan lalu media melaporkan, kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis MARDI disahkan bercampur dengan BPT.

Mengulas lanjut Mohamad berkata Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menjalankan kajian ke atas industri padi dan beras pada sejak awal tahun lalu.

Menurut beliau hasil kajian tersebut dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN).

"Berdasarkan dapatkan MyCC, berlaku amalan proses pencampuran BPT dengan BPI di dalam industri padi dan beras.

"MyCC merumuskan tujuan pencampuran ini adalah untuk memenuhi cita rasa pengguna tempatan dan menghasilkan variasi jenama di pasaran," katanya.

## MENARIK WILAYAHKU




KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

20/3 - 24/3/25: KL Mega Raya Fest @ KL BASE

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

28/2 - 30/3/25: Festival Ramadan Putrajaya 2025 @ PPj

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

# Peroleh semula modal

**LANGKAH** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguruskan sendiri bazar Ramadan di seluruh Kuala Lumpur serta menurunkan kadar sewa tapak berjaya membantu peniaga memperoleh semula modal mereka pada hari pertama berniaga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata inisiatif itu mendapat maklum balas positif daripada peniaga yang menghargai usaha kerajaan dalam meringankan beban mereka.

"Ini satu perkembangan yang sangat baik. Dengan kadar sewaan yang lebih rendah, ia membolehkan peniaga meraih keuntungan lebih awal," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Dr Hatta Ramli di Dewan Negara.

Walau bagaimanapun beliau mengakui masih terdapat aduan di media sosial mengenai harga jualan makanan yang dikatakan tidak banyak berubah berbanding tahun sebelumnya.

Untuk itu katanya pengurangan kadar sewa tapak sebenarnya dapat membantu mengurangkan fenomena 'Ali Baba' atau aktiviti *rent-seeking*, yang boleh memberi ruang kepada peniaga menawarkan harga lebih kompetitif.

"Faktor lain seperti kos bahan mentah dan margin keuntungan individu masih menjadi penentu utama harga jualan," katanya.

Dalam pada itu, Zaliha turut mengulas cadangan Senator Mohamad Manolan agar bazar Ramadan dijadikan produk pelancongan dengan menampilkan



ZALIHA mahu semua pihak membuat aduan jika ada yang ditawarkan beli tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri dengan harga tertentu.

juadah serta kuih-muih tradisional sebagai tarikan utama.

"Apabila zaman berubah, cita rasa pengguna juga berubah. Peniaga bazar menawarkan juadah yang sesuai dengan permintaan masa kini. Namun, di beberapa lokasi di Kuala Lumpur, kita masih dapat melihat juadah tradisional seperti tepung pelita dan lompat tikam di media sosial."

Sehubungan itu, beliau berpandangan bazar Ramadan boleh dikembangkan dengan konsep tertentu bagi menarik lebih ramai

pelancong sama ada domestik atau antarabangsa.

"Sebagai contoh, di Bazar Ramadan Taman Tun Dr Ismail (TTDI), peniaga menawarkan juadah untuk golongan T20 dengan konsep ala hotel lima bintang. Ini juga menarik perhatian ramai dan tular di media sosial."

"Mungkin pada tahun hadapan, kita boleh wujudkan konsep bazar tradisional dengan peniaga berpakaian tradisi serta menawarkan hidangan Melayu asli," katanya.

## Pertemuan Datuk Bandar dengan pemaju utama KL

# PERKASA SISTEM KELULUSAN

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencari penyelesaian terbaik dalam mempercepatkan proses pembangunan bandar raya menerusi pertemuan bersama pemaju utama Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, pertemuan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif bersama 25 pemaju utama di Kuala Lumpur itu turut membincangkan cabaran termasuk pemerkasaan sistem kelulusan pembangunan, pemantapan prosedur kerja serta pemantauan projek secara lebih cekap dan telus.

"DBKL turut memperkenalkan Sistem OSC 3.0 Plus Online, yang telah mula beroperasi sejak Ogos 2024, bagi memudahkan pemaju menyemak status permohonan mereka secara atas talian dengan lebih pantas dan efisien," katanya.

Menurutnya antara perkara yang dibincangkan adalah termasuk isu dan cabaran dalam pematuhan zon guna tanah dan intensiti pembangunan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)



MAIMUNAH (lapan dari kanan) bersama pengurusan tertinggi DBKL dan pemaju ketika pertemuan membincangkan pembangunan Kuala Lumpur.

dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL 2040) serta garis panduan pembangunan sedia ada.

"Selain itu, pertemuan tersebut

turut menyelesaikan pematuhan terhadap ulasan daripada Mesyuarat OSC mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan melantik PSP/SP yang cekap

# Giat laksana program hijau

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) giat melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dianjurkan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif

berkata kempen itu bermula sejak 2021 dan sehingga kini DBKL berjaya menanam 412,320 pokok berkayu, menjadikan agensi itu berada di kedudukan ke-13 dalam daftar aplikasi Penghijauan Malaysia.

"Dengan pencapaian ini, DBKL yakin mampu memenuhi sasaran 500,000 pokok menjelang pertengahan tahun ini."

"Kempen ini bukan sekadar menambah bilangan pokok tetapi membantu meningkatkan biodiversiti, mengurangkan pencemaran udara dan menjadikan Kuala Lumpur lebih nyaman untuk didiami," katanya dalam ucapan perasmian Program Penanaman Pokok Bersama Komuniti di Jalan Mergastua, Kepong.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Eksekutif Perancangan Projek, Mohamad Mat Hamim.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng; Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk, Ismail Ngah dan Pengarah Jabatan

Pembangunan Lanskap dan Rekreasi (JPLR), Puteri Khairul Fathiah Fahimudin.

Terdahulu dalam program tersebut, sebanyak 1,000 pokok pelbagai spesies termasuk pokok teduhan dan renek ditanam yang turut direkodkan dalam aplikasi Penghijauan Malaysia.

Maimunah berkata selain pembangunan kawasan hijau, DBKL sedang merangka rangkaian penghubung taman yang akan menghubungkan kawasan perumahan dengan taman awam melalui laluan pejalan kaki dan berbasikal.

"Antara laluan yang dikenal pasti adalah Jalan Kepong-Jalan Pintasan Segambut termasuk Jalan Mergastua, Jalan Udang Kepai dan Jalan Kepong Baru yang akan memberi manfaat kepada penduduk dengan menyediakan akses lebih baik ke kawasan rekreasi tanpa perlu bergantung kepada kenderaan bermotor," katanya.

Terdahulu selepas taklimat mengenai rancangan pembangunan di Jalan Mergastua, Mohamad memberitahu DBKL menawarkan dua pilihan kepada penduduk setempat dalam usaha

menaik taraf kawasan lapang, sama ada membangunkan padang bola sepak atau kawasan rekreasi.

Perakuan dan Persetujuan Agensi Teknikal Sahabat (ATS) sebelum pengemukaan secara rasmi ke kaunter OSC dan keperluan mempercepatkan proses kelulusan projek tanpa menjelaskan prosedur perundangan dan pentadbiran DBKL" katanya.

DBKL juga percaya bahawa kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta adalah kunci dalam membentuk pembangunan Kuala Lumpur yang lebih produktif, progresif, pantas dan pematuhan kepada perundangan yang ditetapkan.

"Dengan pendekatan 4P – Public, Private, People, Partnership, DBKL berusaha memastikan pembangunan yang lebih inklusif, berdaya tahan dan selari dengan perancangan bandar jangka panjang."

"Komitmen ini bukan sahaja untuk kepentingan pemaju, tetapi juga demi kesejahteraan warga kota, memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai bandar raya bertaraf dunia yang mampan dan sejahtera," katanya.

# AHLI POLITIK JANGAN MAINKAN ISU PERKAUMAN

Pertama kali dicalonkan dan menang dalam PRN Johor pada 2022, bagaimana YB melihat perjalanan karier politik YB sepanjang tempoh ini? Mencabar atau YB sekadar selesa oleh kerana kerusi DUN Skudai merupakan kubu kuat DAP?

Penuh cabaran. Kubu kuat bukan bermakna kita harus selesa, tetapi bagaimana kita nak memberikan khidmat lebih baik jika dibandingkan ADUN sebelum ini. Skudai sangat berbeza dengan kawasan-kawasan yang pernah saya bekerja sebelum ini, terutama apabila kawasan sini terdapat begitu banyak rumah flat awam yang berusia hampir 40 tahun. Ini satu cabaran yang besar untuk saya bagi memastikan penduduk Skudai mendapat tempat tinggal yang selesa dan bermaruah.

**Apa asas-asas kepimpinan YB selaku wakil rakyat? Apa pula latar belakang YB dalam dunia politik sebelum bertanding dalam PRN Johor?**

Saya terlibat dalam kerja kebajikan dan kerja politik sebelum bergelar ADUN. Sebelum ini saya adalah pembantu kepada bekas ADUN Senai, Wong Shu Qi, yang kini adalah Ahli Parlimen Kluang. Saya juga berpengalaman membantu Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching dan juga ADUN Senai, Alan Tee Boon Tsong. Selain itu, saya juga berpengalaman menjadi Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kulai. Asas kepimpinan yang sentiasa saya pegang adalah jiwai kerja kita, insya-Allah kita dapat laksanakan tugas sebagai pemimpin dengan baik.

**YB sebelum ini pernah menyuarakan mengenai isu politik berdasarkan perkauman. Bagi YB, apakah model terbaik bagi kita menanganinya supaya negara bukan sahaja dapat mengejar negara maju, namun bersekali dengan penyatuan bangsa?**

Bagi saya, nak mengejar negara maju, nak ada penyatuan bangsa, perkara paling penting adalah ahli politik itu sendiri jangan sesuka hati memainkan isu perkauman semata-mata untuk sokongan. Sesetengah ahli politik bersifat pemecah. Depan bangsa A dia cakap lain, depaan bangsa B dia cakap lain. Mereka gemar memainkan sentimen perkauman dalam setiap isu yang akhirnya segelintir rakyat termakan hasutan dan di situlah jadinya perpecahan.

Dalam negara berbilang kaum, seharusnya kita menjadi pemimpin kepada semua bangsa. Selama 68 tahun merdeka, kalau kita masih nak berada dalam politik perkauman, bercerita hanya tentang kepentingan bangsa sendiri, ini bermaksud kita bermasalah.

**K**ETIKA pertama kali dicalonkan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor pada 2022, Yang Berhormat (YB) MARINA IBRAHIM menjadi perhatian ramai kerana faktor usianya untuk bertanding.

Berdepan saingen tiga penjuru, ketika itu usia beliau 35 tahun dan berdepan tugas berat iaitu mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Skudai yang merupakan kubu kuat Pakatan Harapan (PH).

Menang dengan majoriti 13,943 undian, beliau kini menggalas tugas selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Skudai dan paling penting, mengembalikan kepercayaan diberikan bagi melaksanakan harapan rakyat terhadapnya.

Kepada wartawan Wilayahku, METRA SYAHRIL MOHAMED, beliau antara lain menegur sikap sesetengah ahli politik yang berterusan memainkan isu perkauman.



MARINA ketika turun bertemu rakyat bagi mendengar permasalahan serta bertanya khabar mengenai kehidupan harian.

**Cabarannya dilalui YB sepanjang bergelar wakil rakyat daripada parti DAP?**

Orang tak suka tu biasa. Bak kata pepatah, tak kenal maka tak cinta. Tapi bagi saya itu bukan cabaran. Cabaran utama adalah bagaimana untuk menjelaskan kepada orang awam saya ini adalah pemimpin yang dipilih, membawa semua suara rakyat tanpa kira bangsa dan parti politik. Kadangkala, segelintir orang Melayu takut nak dapatkan bantuan, takut nak masuk pejabat DAP. Takut kalau jiran-jiran atau kawan tahu. Tapi bila dah berani, baru mereka faham yang DAP ini bukan sebagaimana mereka fikirkan. Sekarang kebanyakan mereka menjadi sebahagian daripada sukarelawan kami.

**Melihat kepada kawasan DUN Skudai, ia boleh dikatakan berada dalam zon ekonomi utama Johor. Namun pastinya ia mempunyai masalah sendiri, khususnya berkaitan rakyat yang perlu ditangani. Bagaimana YB melihat permasalahan-permasalahan tersebut?**

Masalah utama di kawasan Skudai adalah terlalu banyak flat awam yang berusia hampir 40 tahun. Kasihan penduduk, duduk dalam kawasan bandar, tapi masih

ada yang hidup di flat awam yang begitu teruk keadaannya. Saya berpandangan kediaman yang selesa dan persekitaran kediaman yang baik memainkan peranan dalam kemenjadian manusia dan masalah sosial.

Kawasan bandar, penduduk terpaksa menghadapi masalah kos sara hidup tinggi, tekanan persekitaran dan kerja, ditambah pula persekitaran rumah yang bermasalah. Ini semua menambahkan tekanan hidup yang akhirnya membawa kepada isu kesihatan mental.

**Salah satu yang diperkatakan adalah mengenai kepadatan pelajar yang kritis. Apakah ia ditangani sewajarnya?**

Buat masa kini, Skudai tidak mengalami masalah kepadatan pelajar yang kritis. Kita juga menekankan bahawa dalam mengejar pembangunan dan kepelbagai projek perumahan, jumlah sekolah dan keperluan infrastruktur setempat harus dilihat agar rakyat kawasan tidak terbebani.

**Dalam kempen semasa PRN sebelum ini, YB menekankan kepada fokus terhadap isu warga emas, kanak-kanak dan peniaga kecil. Kini bagaimana fokus itu diterjemahkan dalam bentuk**

**tindakan selepas bergelar wakil rakyat? Apa pencapaian yang YB boleh perkatakan?**

Saya sangat berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana banyak program keusahawanan bagi peniaga kecil. Pejabat kami banyak membantu peniaga kecil yang ingin memohon geran mahupun bantuan barang meniaga termasuk bagi golongan orang kurang upaya (OKU). Menawarkan ibu tunggal dan golongan wanita yang kurang berasib baik untuk mengubah kehidupan melalui bantuan perniagaan.

Bagi kanak-kanak pula, pihak pejabat ADUN Skudai juga menganjurkan program bersama kanak-kanak terutama di kawasan flat, pendidikan seksualiti diperkenalkan untuk memastikan kanak-kanak tahu menjaga keselamatan diri mereka.

**Bagaimana pula dengan aduan rakyat mengenai pencemaran di Sungai Skudai seperti dilaporkan media baru-baru ini? Penduduk meluahkan kebimbangan susulan air sungai berwarna hitam, berbau dan mengeluarkan bau busuk.**

Aduan yang diterima daripada penduduk menunjukkan kepekaan mereka terhadap persekitaran dan tidak teragak-agak mengambil



tindakan membuat aduan apabila terdapat sesuatu perkara yang mencurigakan. Alhamdulillah, pihak agensi yang berkaitan sentiasa bertindak pantas dalam menangani aduan pencemaran.

**Selaku anak muda dalam politik, pandangan YB terhadap mereka yang tercicir atau tidak menduduki SPM? Pandangan YB terhadap kepentingan pelajaran?**

Terdapat ramai pelajar yang rasa, tak perlu belajar tinggi pun boleh ada kehidupan baik. Melalui pengalaman saya, ramai golongan yang berusia akhir 20-an datang pejabat menzahirkan rasa menyesal dan kesukaran untuk mendapat kehidupan baik akibat tiada sijil peperiksaan. Apabila kita masih muda, kita tak fikir apa. Kita rasa apa yang dicanangkan dalam media sosial semua betul. Teknologi berkembang, zaman berubah, usia bertambah, komitmen meningkat.

Saat ini baru kebanyakan mereka terfikir kepentingan sijil pelajaran. Nak menyesal pun tak berguna, sebab itu bagi saya, sangat penting ibu bapa untuk memastikan anak-anak tidak tercicir dalam pelajaran, ibu bapa kena mainkan peranan dan tidak menyerahkan semuanya pada guru.

**Bagaimana pula YB melihat isu kemiskinan bandar, mengambil kira kawasan diwakili YB? Penyelesaian terbaik kepada isu ini?**

Isu kemiskinan bandar adalah isu yang sering kali saya sentuh dalam sidang DUN. Penyelesaian yang terbaik adalah kerajaan kena menyediakan satu data khas kemiskinan di lapangan. Data yang sedia ada seperti data eKasih tidak mencerminkan keadaan sebenar lapangan. Saya sendiri melihat bagaimana data kemiskinan yang diberikan dan jumlah kemiskinan di dalam data yang langsung tidak sama seperti realiti di kawasan.

Ketiadaan kesinambungan bantuan dan pentaksiran kemiskinan antara agensi pun menjadi masalah. Seharusnya dalam menyediakan data kemiskinan, kerjasama serta penglibatan pihak agensi kebajikan dan pendidikan harus diseleksikan. Kita harus memikirkan bagaimana untuk menamatkan kemiskinan dengan menyediakan lebih banyak latihan kemahiran, untuk memastikan mereka tidak hanya bergantung pada bantuan bulanan.

WIRA

Bil 304 . 7 - 13 MAC 2025

# WIRA MUDA SAHUT SERUAN IBU PERTIWI

>>10-11

# JIWA KENTAL DEMI NUSA BANGSA

**AINI MAWAWI**  
Foto: SHUAIB AYOB

**P**ENGALAMAN berada dalam kem tentera selama 45 hari merupakan kenangan yang begitu bermakna dan tidak mungkin dapat dilupakan oleh tiga orang Wira Muda, **Mugilan S. Anbalagan, 21; Wong Wei Pin, 20, dan Nur Aisyah Abdul Rahim, 20.**

Mereka merupakan insan-insan terpilih daripada jutaan rakyat Malaysia yang berani menyahut seruan ibu pertiwi untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 demi nusa dan bangsa.

Ternyata ketiga-tiganya berjiwa kental untuk hadir secara sukarela demi menjadi insan yang berdisiplin serta berjiwa patriotik yang sememangnya perlu dipupuk dalam diri generasi anak muda pada masa kini.

Berkongsi kepada Wilayahku, Mugilan berkata PLKN 3.0 telah berjaya menyatukan jiwanya dengan rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai kaum, latar belakang dan agama.

“Kami seperti adik-beradik. Tidak kira siapapun, semuanya bersatu hati. Setiap apa yang kami lalui di sini penuh dengan pengajaran yang amat bermakna bagi saya. Di sini juga saya belajar erti bantu-membantu antara satu sama lain.

“Misalnya di padang kawad, apa yang paling utama adalah menjaga disiplin selain mental dan emosi. Jika salah seorang buat silap, semua akan terkesan, jadi ketika perbarisan, kami akan tolong-menolong kerana kekuatan individu sahaja tidak akan berjaya jika tiada semangat kerjasama.

“Sejurnya di sini saya belajar cara untuk menerima kelemahan orang lain serta cuba untuk melengkapinya, dalam erti kata lain, saya tidak akan sesekali menyombong diri kerana sedar setiap orang ada kekurangan dan kelebihan masing-masing,” katanya.

Lebih sebulan mengikuti program PLKN, Wira Muda yang berasal dari Kajang ini berkata 45 hari merupakan waktu yang singkat

dan terasa seperti berlalu terlalu cepat.

“Saya mengikuti program ini secara suka rela, sudah tentu saya enjoy dengan modul latihan yang digunakan. Bagi saya, latihan atas ketenteraan dan kenegaraan yang digunakan terbaik dan mampu mengubah diri anak muda apabila tamat latihan.

“Diharapkan untuk siri akan datang, mereka yang terpilih untuk mengikuti program ini menggunakan peluang untuk mencari sebanyak mungkin pengalaman yang tidak mungkin akan diperoleh di tempat lain,” katanya yang mengakui gaya hidup sihat yang dilalui lebih sebulan membantunya mendapatkan berat badan ideal.

Bagi Wei Pin pula, minatnya dalam bidang ketenteraan dan cita-cita untuk menjadi komando membawanya untuk menyertai PLKN bagi merasai sendiri pengalaman tersebut.

“Apa yang membuatkan saya teruja adalah ketika Latihan Menembak Senjata Ringan. Ia memberi peluang kepada saya untuk merasai perkara baharu iaitu cara menembak dengan tepat selain dari segi teknik dan pengurusan senjata.

“Di sini juga kami berpeluang menggilap potensi diri dalam kehidupan supaya tidak gentar untuk melalui masa depan yang penuh dengan cabaran. Itu yang paling utama bagi saya.

“Pendekah terhadap isu-isu semasa diberi perhatian selain kami turut dibimbing untuk mengenali pilihan kerjaya yang tepat meliputi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selain badan beruniform serta sukarela,” katanya yang berasal dari Kuala Selangor.

Wei Pin yang merupakan pelajar jurusan undang-undang



SESI Latihan Menembak Senjata Ringan merupakan salah satu modul dalam PLKN 3.0.



MUGILAN

di sebuah kolej swasta berkata jika berkesempatan, sudah pastinya dia tidak akan menolak untuk menyertai PLKN sekali lagi pada masa akan datang.

“Banyak perkara yang saya pelajari di sini. Semangat patriotisme adalah hal utama yang perlu diterapkan kerana dalam kehidupan yang serba mencabar saat ini, kita perlu membentuk bangsa yang bersatu padu agar negara Malaysia terus aman dan makmur,” jelasnya.

Berperwatakan lemah lembut seperti gadis lain namun di sebaliknya siapa sangka Nur Aisyah menyimpan hasrat untuk menyertai Rejimen Askar Wataniah kerana minat yang ada dalam dirinya sejak kecil

untuk berkhidmat dalam badan beruniform.

“Apabila terlihat iklan PLKN 3.0 di media sosial, saya tidak fikir panjang dan terus memberitahu ibu. Alhamdulillah ibu merestui untuk berada di sini asalkan pandai membawa diri.

“Peluang yang terbentang di depan mata saya gunakan bagi mencari sebanyak mungkin pengalaman untuk diaplakasikan dalam kehidupan di masa akan datang. Bagi saya, amatlah rugi jika ia tidak dimanfaatkan sebaiknya.

“Berada di sini membawa saya mengenali lebih ramai lagi rakan-rakan dan berkongsi minat yang sama. Apa yang pasti saya menjadi lebih berdisiplin serta menukar sifat malas yang ada dalam diri kepada rajin. Itu yang saya dapat rasakan perubahan paling ketara saat ini,” katanya yang berasal dari

Terengganu.

Berkongsi lanjut Nur Aisyah berkata dia begitu teruja ketika melalui aktiviti merentas halangan dan masuk hutan kerana ia sukar diperoleh di luar lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal serta dibesarkan di bandar.

“Saya gembira melakukan aktiviti tersebut kerana mengajar kita bagaimana cara untuk survive dalam hutan sekali gus ia memberi pengajaran agar kita tidak mudah putus asa apabila berdepan dengan situasi yang sukar.

“Paling tidak dapat dilupakan, keluar daripada hutan satu badan penuh lumpur. Kami ketawa melihat muka masing-masing. Saya sangat merindui rakan-rakan kerana kami sudah seperti keluarga biarpun hanya dalam tempoh yang singkat,” katanya yang teruja menjadi kelompok alumni pertama Angkatan Khidmat Negara.



WEI PIN

# Bentuk generasi muda berdisiplin

**PROGRAM** Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 menerapkan pelbagai kemahiran dan pengetahuan melalui modul latihan yang seimbang menggabungkan 70 peratus (%) latihan asas ketenteraan dan 30% komponen kenegaraan.

Menurut Timbalan Menteri Pertahanan, **Adly Zahari**, pendekatan tersebut dirangka bertujuan untuk membentuk generasi muda yang lebih bermotivasi, berdisiplin, patriotik, memiliki kesedaran sivil yang tinggi, mengamalkan nilai-nilai murni serta sentiasa memupuk semangat perpaduan dan kesukarelawan.

"Peserta kelak berpeluang membangunkan potensi diri dalam aspek kehidupan bukan hanya fizikal tetapi dalam kemahiran insaniah, keusahawanan dan teknologi sebagai persediaan menghadapi cabaran global yang semakin kompleks."

"Diharapkan apa yang dipelajari dan dilatih di sini, dibawa sebagai bekalan sepanjang hayat dan anggaplah ia sebagai satu amanah untuk dijaga, dipatuhi dan diamalkan sebaiknya."

"Pendedahan mengenai pilihan kerjaya masa hadapan meliputi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), badan beruniform dan sukarela juga telah diberikan."

"Maka dengan demikian, Wira Muda perlu meneruskan langkah

yang terarah untuk memastikan pilihan yang dibuat adalah tepat dan serasi dengan jiwa dan kebolehan masing-masing," katanya.

Beliau turut menyempurnakan Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 1/2025 di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah (515 AW) melibatkan 73 pelatih lelaki dan 43 pelatih wanita berusia di antara 18 hingga 25 tahun.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara; Mejar Jeneral Datuk

Ya'cob Samiran dan Komandan Cawangan Latihan Khidmat Negara (CLKN) 515; Mejar Mohd Solehin Ahmad.

Dalam perbarisan tamat latihan tersebut, Muhammad Khairel Ikhwan diberi kepercayaan selaku Ketua Perbarisan diiringi Pancaragam Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1RAMD) dan Pancaragam Rejimen 502 AW.

Jelas Adly perbarisan pada majlis tamat latihan tersebut jika dihayati dari persepsi masa hadapan ia adalah satu permulaan hala tuju Wira Muda dan merupakan cetusan



ADLI (depan) ketika Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 1/2025.

pembinaan negara bangsa yang akan terpahat sebagai sejarah negara.

Tambahnya generasi yang hidup pada alaf baru yang serba luas dan pantas sudah pasti akan melalui satu perjalanan kehidupan yang panjang dan mencabar.

"Ketangkasan tindakan, kecekalan iltizam, tumpuan minda dan kejituhan elemen spiritual mesti berada pada tahap yang betul. Keterbukaan minda dan pengaruh budaya negatif janganlah sampai menghakis semangat patriotisme dalam diri," katanya.

Katanya belia yang memenuhi syarat adalah digalakkan untuk menyertai PLKN 3.0 secara sukarela atau menghadiri sesi latihan apabila menerima tawaran.

Program PLKN 3.0 Siri 1/2025 memulakan latihan selama 45 hari pada 12 Januari hingga 25 Februari lalu dengan penyertaan seramai 116 pelatih yang hadir secara sukarela dari pelbagai latar belakang, komposisi kaum, agama dan lokaliti.

Menyentuh berkenaan kejayaan PLKN 3.0, Adly berkata hasil usaha komandan, jurulatih, kumpulan

pembina modul, pensyarah dan staf CLKN Rejimen 515 Askar Wataniah terbukti berhasil.

"Tahniah kerana telah berjaya mentransformasikan Wira Muda menjadi tunas-tunas pemimpin mengikut acuan yang telah ditetapkan. Teruskanlah dedikasi melatih dan mendidik anak-anak watan yang bakal menjelak kaki sebagai pelatih PLKN 3.0 yang berjiwa kental, berani serta kalis masa hadapan sebagai satu kelompok negara bangsa yang padu dan bersatu," katanya.

## Tingkat semangat patriotisme

DALAM usaha memastikan pembentukan jati diri sebagai seorang bakal pemimpin dan negarawan pada masa akan datang, maka semua faktor terkait pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diberi perhatian khusus termasuk dari segi pakaian seragam.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), **Mejar Jeneral Datuk Ya'cob Samiran**, berbanding PLKN terdahulu yang menggunakan seragam biru, pelatih PLKN 3.0 akan mengenakan pakaian celoreng Tentera Darat Malaysia (TDM).

"Penggunaan pakaian tersebut mampu meningkatkan semangat patriotisme kerana jika kita lihat di negara-negara luar, program berbentuk seperti ini turut menggunakan seragam tentera selain ia menjimatkan kos."

"Ia juga dipersetujui pada peringkat nasional ketika mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini," katanya dan menambah pakaian tersebut akan dipulangkan semula oleh pelatih selepas tamat latihan.

Dalam perkembangan lain



YA'COP SAMIRAN

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari berkata pakaian seragam TDM yang dikenakan pelatih PLKN 3.0 akan dipastikan mencukupi biarpun siri akan datang menyaksikan peningkatan kepada 500 orang.

"Kita akan pastikan pakaian mencukupi, bukan sahaja melibatkan baju semata-mata tetapi keperluan lain bagi Wira Muda akan dapat disempurnakan."




PROGRAM PLKN menyatakan pelbagai bangsa.

### TRIVIA PLKN 3.0

- Mula diperkenalkan pada tahun 2003, dimansuhkan pada 2018 dan dimulakan semula pada Januari 2025.
- Program rintis PLKN 3.0 melibatkan kira-kira 500 peserta di dua kem tentera di Kuala Lumpur dan Pahang.
- Akan diperluaskan ke 13 kem di seluruh negara menerusi pelaksanaan penuh pada 2026.
- Pakaian seragam alternatif sebelum ini ditukar kepada pakaian celoreng tentera kerana kos yang lebih murah.
- Menyasarkan golongan muda berusia 16 sehingga 35 tahun, namun ia tidak akan menjaskan pelajar yang bakal menduduki SPM.
- Tempoh latihan 45 hari berbanding tiga bulan sebelum ini.

# Berbuka puasa konsep berkelah di Putrajaya




**SYUQQREE DAIN**  
Foto: FARIS AZMI

DATARAN Putrajaya di Presint 3 menjadi 'port' wajib buat mereka yang ingin merasai pengalaman berbuka puasa yang berbeza. Dengan suasana santai sambil disulami angin sepoi-sepoi bahasa, pengunjung yang hadir tidak melepaskan peluang untuk menikmati hidangan berbuka dengan konsep berkelah. Ia merupakan satu usaha pihak berkuasa tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk menghidupkan suasana Ramadan dengan lebih mesra komuniti dan keluarga.

Laman iftar yang disediakan ini merupakan salah satu komponen Festival Ramadan Putrajaya 2025 yang berada di Presint 3, Putrajaya. Dengan bertemakan 'Memori Ramadan Aspirasi Syawal', festival ini turut menawarkan pelbagai komponen lain seperti Laman Oasis, Bazar Ramadan, Anjung Syawal serta Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang sekali gus menjadi pusat sehenti untuk orang ramai membeli-belah, membeli juadah dan beribadah.

Lokasinya yang strategik iaitu terletak berhadapan Kompleks PPj dan Istana Kehakiman Putrajaya serta berhampiran dengan bazar Ramadan membuatkan Dataran Putrajaya menjadi tumpuan bagi warga Putrajaya. Tahun ini Bazar Ramadan Putrajaya, Presint 3 menyediakan lebih 1,000 jenis juadah yang ditawarkan oleh lebih 900 peniaga. Suasana bazar yang meriah ini memudahkan pengunjung mencari makanan kegemaran mereka sebelum melanjutkan aktiviti berkelah sambil menikmati hidangan di dataran.

Tidak dinafikan, konsep berbuka puasa sambil berkelah ini telah menjadi trend serta tarikan utama di Putrajaya. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat untuk berkumpul, malah turut mengeratkan hubungan sesama mereka dalam suasana penuh keberkatan bulan Ramadan. Dengan kemeriahannya yang disajikan, acara ini pastinya akan menjadi tradisi yang dinantikan setiap tahun.





Alamanda berwajah baharu

# SIMBOL EVOLUSI PUTRAJAYA

DIANA AMIR

Foto: HASIF HALIMI

**S**EBAGAI nadi utama dalam landskap runcit dan gaya hidup Putrajaya, penjenamaan semula Pusat Beli-Belah Alamanda adalah langkah ke hadapan dalam mewujudkan hab yang lebih meriah untuk komuniti setempat dan pelawat.

Penjenamaan semula yang bermula pada 20 Jun 2023, menandakan perubahan besar pertama sejak penubuhan pusat beli-belah tersebut pada tahun 2004.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH), **Datuk Izwan Hasli Mohd Ibrahim**, pihaknya membelanjakan lebih RM106 juta untuk menaik taraf Pusat Beli-Belah Alamanda atau Alamanda ini.

Beliau berkata, langkah menaik taraf Alamanda itu melibatkan ruang lantai berkeluasan lebih 200,000 kaki persegi dan membawa beberapa tarikan baharu seperti taman tema Escape Putrajaya, panggung wayang dan penambahan lot kedai.

"Ini merupakan projek pengubahsuaian terbesar yang pernah dilancarkan oleh PJH sejak Alamanda dibuka pada 2004.

"Setelah 20 tahun, tiba masanya kita menaik taraf pusat beli-belah ini. Alamanda yang baharu ini telah berjaya membawa wajah baharu dan saya yakin akan menjadi pemangkin kepada Putrajaya secara keseluruhannya," katanya dalam ucapan pada majlis perasmian penaiktarafan pusat beli-belah itu baru-baru ini.

Perasmian itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Hadir sama Pengurus Ahli



ANWAR (tengah) hadir merasmikan Alamanda berwajah baharu di Centre Court pusat beli-belah itu.

Lembaga Pengarah Putrajaya Holdings, Datuk Kamil Khalid Ariff; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, Francis Tan.

Mengulas lanjut Izwan Hasli turut menyatakan komiten PJH untuk memajukan Putrajaya berdasarkan tiga nilai utama iaitu nilai pemangkin, nilai komersial dan nilai sosial.

"Insya-Allah kita akan jadikan Putrajaya 'The Best Address In Malaysia' – Alamat Yang Terbaik di Malaysia," katanya.

Sementara itu Ketua, Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan** berkata, Alamanda yang diuruskan pihaknya itu mempunyai keluasan lantai kasar 1,056,000 kaki persegi.

"Alamanda bukan sekadar ruang runcit, ia adalah mercu tanda

komuniti di mana keluarga, rakan-rakan dan jiran tetangga berkumpul.

"Penjenamaan semula, menaik taraf Alamanda ini menjadi destinasi gaya hidup yang lebih meriah, menggabungkan elemen runcit moden, kulinari dan hiburan dengan ruang yang direka khas untuk memenuhi keperluan pelbagai lapisan masyarakat Putrajaya.

"Dengan itu, Alamanda kini bersedia menetapkan penanda aras baharu dalam dunia retailtainment," katanya.

Francis berkata bagi meningkatkan lagi penawaran hiburan, Alamanda kini menampilkan 10 ruang pawagam TGV Cinemas yang mesra keluarga serta pusat boling U-Bowl X yang diperlukan dengan 26 lorong, menawarkan lebih keseronokan kepada pengunjung. "Selari dengan tagline Alamanda,

tasik, tempat duduk binaan yang dihiasi spesies tumbuhan tempatan serta dek yang diperbuat daripada bahan mampan.

"Esplanade baharu Alamanda dilengkapi kipas HVLS (High Volume Low Speed) untuk kawalan suhu yang optimum, memberikan pengalaman makan luar yang lebih selesa sambil menikmati suasana Escape Putrajaya.

"Bagi memenuhi peningkatan jumlah pengunjung, aliran trafik parkir telah dioptimumkan, memastikan pengalaman membeli-belah yang lancar untuk semua," katanya.

## ESCAPE PUTRAJAYA TAMAN PENGEMBARAAN BARU

SELAIN runcit, Alamanda juga merupakan pusat gaya hidup dan hiburan yang dinamik.

Terletak di Esplanade, Escape Putrajaya merupakan taman pengembaraan luar seluas 151,548 kaki persegi yang dibangunkan dengan kerjasama Sim Leisure Group Ltd.

Francis berkata direka untuk menggabungkan elemen pengembaraan dan alam semula jadi, ia menjurkani pengalaman yang mengujakan untuk setiap lapisan masyarakat.

"Taman ini menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan dengan tarikan seperti Zip Coaster, Flying Lemur, Banana Flip, Slingshot, Coco Climb, Mini Aerobat dan banyak lagi."

"Harga adalah bermula RM52 dan kesemua aktiviti ini bersesuaian untuk kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Ia dibuka seawal pukul 10 pagi sehingga 6 petang," katanya.

# MEMAHAMI MISKIN BANDAR

KU SEMAN KU HUSSAIN

**M**ISKIN bandar adalah istilah yang merujuk kepada keadaan ketua isi rumah di bandar-bandar besar yang tidak mampu menyediakan biaya makanan, tempat tinggal dan pendidikan kepada ahli keluarga. Tiga perkara itu adalah keperluan asas kehidupan manusia di mana-mana sahaja.

Tiga keperluan itu tidak boleh dielakkan kerana sifatnya yang amat asas dalam menjalani kehidupan. Itu bermakna ketua isi rumah yang tidak mampu menyediakan keperluan berkenaan tergolong sebagai miskin bandar.

Miskin bandar yang sebenarnya tidak diukur dengan pendapatan ketua isi rumah secara angka-angkanya. Sekalipun banyak yang menggunakan angka untuk mengukur miskin bandar, tetapi yang lebih tepat adalah ketidakmampuan untuk menyediakan tiga perkara terbabit.

Kenapa ada miskin bandar tetapi tidak ada miskin kampung? Sebabnya kedua-dua persekitaran sosioekonomi yang berbeza. Susah-susah di kampung adalah senang-senang di bandar. Maknanya keadaan yang dianggap susah di kampung adalah suatu yang senang di bandar.

Perkara asas seperti makanan, kediaman dan pendidikan memerlukan belanja yang berbeza antara kampung dan bandar. Sebab itulah ada istilah khusus yang merujuk keadaan ketidakcukupan hal-hal asas itu yang disebut miskin bandar.

Miskin bandar adalah satu keadaan yang berlaku kepada golongan yang terperangkap dengan belanja sara hidup tinggi di bandar besar. Keadaan itu menjadikan golongan berkenaan hilang upaya untuk menyediakan keperluan asas kepada keluarga.

Biasanya pelbagai pihak menggunakan angka-angka untuk mengelaskan golongan warga kota dengan angka pendapatan tertentu. Misalnya dengan pendapatan isi

rumah sekian adalah miskin bandar. Kemudian sekiranya didapati pendapatan lebih RM500 sebulan daripada angka yang ditetapkan, maka sudah terkeluar daripada pengelasan itu.

Di atas kertas dan berpandukan angka-angka, lebihan pendapatan RM500 itu boleh sahaja menjadikan keluarga miskin bandar terkeluar daripada status mereka. Walau bagaimanapun semua itu bukanlah gambaran yang sebenarnya tentang miskin bandar. Lagi pula RM500 sebulan tidak mengubah apa-apa dalam kehidupan.

Disebabkan itu ada juga angka pendapatan ketua isi rumah sudah terkeluar daripada miskin bandar. Mungkin sudah tergolong dalam B40. Namun keadaan yang sebenar masih miskin bandar. Misalnya angka pendapatan itu tidak cukup disebabkan tanggungan yang banyak – tiga orang anak berada di institusi pengajian tinggi (IPT) dan biaya pengajian peringkat menengah.

Ada yang terpaksa menanggung bayaran ansuran kereta. Mungkin ada yang berkata, kenapa membeli kereta kalau tidak mampu? Sebenarnya kereta adalah pengangkutan sama ada untuk ke tempat kerja atau menjaya secara kecil-kecil. Tidak semua memiliki kereta untuk bergaya. Maka kereta tidak boleh dijadikan asas untuk mengukur keluarga berkenaan bukan lagi miskin bandar.

Ketika bulan Ramadan, belanja menjadi lebih tinggi berbanding bulan yang lain. Sekalipun tidak makan pagi dan tengah hari, tetapi sudah menjadi tradisi berbelanja lebih untuk berbuka puasa.

Padahal berbuka puasa itu adalah makan malam pada bulan-bulan yang lain. Walau bagaimanapun keadaan persekitaran



PENULIS BEBAS

**RENCANA**  
28 FEBRUARI - 6 MAC 2025 | WILAYAH

**SABAHTINGGI, PUTRAJAYA 0.1%**

**SAHA membasi kemiskinan bandar**

**STRA SYAHRI MOHAMED**

**N**ILAYAH Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar kemiskinan bandar yang polig rendah iaitu pada 0.1 peratus. Demikian data dikongsikan Ketua Menteri Dr Mohd Uziruddin kepada Wilayahku dengan Kuala Lumpur pula berada pada kadar 1.4 peratus, berdasarkan data terkini iaitu pada 2022. Negeri yang mencatatkan kadar kemiskinan bandar tertinggi adalah Sabah dengan kadar 19 peratus. Ia diikuti oleh Kelantan (11.6%) dan Sarawak (8.3%). Perbezaan kadar kemiskinan ini mencerminkan jurang ekonomi antara daerah utama dan bandar kecil serta negeri-negeri tertentu yang masih menghadapi paron dalam pembangunan ekonomi. Bercakap mengenai perkara itu, Mohd Uzir berpendangan bahawa statistik kemiskinan bandar Malaysia dalam tempoh lima tahun abelia akan menunjukkan trend yang berbeza mengikut tahun. Selas belas pada 2019, insiden kemiskinan di bandar adalah 3.8 peratus namun impak pandemik COVID-19 yang akan gangguan ekonomi dan

**MOHD UZIR**

**KELUARAN akbar 28 Februari - 6 Mac 2025**

KERAJAAN sentiasa memastikan kemiskinan bandar diatasi sejawarnya melalui pelbagai bentuk program menjana ekonomi rakyat selain bantuan-bantuan tertentu.

membentuk satu amalan tidak rasmi kepada masyarakat bahawa berbuka puasa tidak sama dengan makan malam.

Peningkatan belanja pada bulan Ramadan memberikan kesan yang besar kepada golongan miskin bandar. Kepada yang mampu atau terlebih mampu amalan sosial itu tidak memberikan kesan. Mereka tetap boleh berbelanja sekalipun perbelanjaan pada bulan Ramadan jauh lebih tinggi berbanding biasa.

Amalan itu pula menjadi ekosistem kepada usahawan kecil dan itu dibuktikan dengan wujudnya banyak bazar Ramadan. Sebenarnya menjalani ibadat puasa tidak memerlukan wujudnya bazar Ramadan.

Pengaruh sosial dan ekonomi kepada persekitaran hidup di bandar-bandar besar lebih banyak mempengaruhi cara berfikir dan berbelanja golongan miskin bandar. Mereka tidak seperti golongan miskin di kampung yang tidak dilingkari oleh satu persekitaran yang mewah dalam berbelanja.

Pihak kerajaan sudah melaksanakan pelbagai pendekatan misalnya mengurangkan belanja tempat kediaman dengan wujudnya Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Belanja menyewa amat rendah berbanding di tempat biasa.

Belanja tempat kediaman mengambil sebahagian besar pendapatan ketua isi rumah di Kuala Lumpur. Terlalu sukar untuk mendapatkan pangaspuri tiga bilik dengan kadar sewa bawah RM1,500. Itupun hanya pangaspuri yang biasa sahaja. Kalau yang lebih banyak kemudahan dan keselamatan lebih tinggi lagi.

Bayangkan kalau tidak ada PPR atau PPRT. Belanja menyewa kediaman sahaja mengambil hampir separuh daripada pendapatan keseluruhan golongan miskin bandar. Itu belum lagi keperluan penting lain seperti makanan dan pendidikan. Maka PPR dan PPRT dianggap pendekatan realistik kerajaan meringankan beban golongan miskin bandar.

Bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga banyak menyalurkan bantuan kepada keluarga yang dikelaskan sebagai miskin bandar. Pelbagai bantuan yang boleh

mengurangkan beban keluarga berkenaan dalam meneruskan kehidupan di ibu kota.

Pada masa yang sama ketua isi rumah pula perlu berusaha mengeluarkan keluarga daripada lingkaran miskin bandar dengan tidak terpengaruh dengan persekitaran sosial di bandar. Banyak juga yang dilihat sebagai keperluan sebenarnya adalah gaya hidup.

Dalam hal yang seperti itu golongan miskin bandar mesti mengubah pola fikir apabila berdepan dengan fenomena menjurus gaya hidup. Ketua isi rumah perlu menguruskan kewangan keluarga dengan memberikan tumpuan kepada keperluan makanan, tempat kediaman dan pendidikan. Itu adalah keperluan hidup.

Mereka seharusnya membezakan antara gaya hidup dengan keperluan hidup. Biarlah ketinggalan dalam gaya hidup tetapi alihkan belanja itu kepada keperluan pendidikan misalnya. Tindakan itu menjadikan pulangan dalam jangka panjang berbanding gaya hidup yang bersifat sementara.

Di Kuala Lumpur ini kalau tersilap langkah dan hanyut dalam gaya hidup, golongan M40 atau T20 pun boleh menjadi miskin bandar. Cara sesetengah orang kaya berbelanja untuk bergaya memberikan kesan buruk kepada pengurusan kewangan keluarga. Maka jangan terkejut kalau golongan yang dilihat ‘berada’ atau ‘elit’ itu juga yang tergolong sebagai miskin bandar.

Golongan miskin bandar pula mempunyai banyak pilihan untuk mengeluarkan diri dan keluarga daripada kemiskinan dengan kembali ke kampung halaman kepada yang ada kampung. Fikirlah, banyak tanah yang terbiar tetapi hampir semua bahan makanan termasuk bawang terpaksa diimport dari luar.

Banyak juga yang tidak mempunyai tanah di kampung tetapi berusaha dengan menyewa untuk dijadikan tapak pertanian. Sebenarnya tidak semua orang perlu bertahan dalam ketidakcukupan di Kuala Lumpur kalau ada padang hijau yang lain – salah satunya di kampung-kampung. Kata-kata ‘balik kampung tanam jagung’ itu sebenarnya sangat baik untuk keluar daripada lingkaran miskin bandar.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## RAGAM KOTA

BANYAK MAKANNA NAII HARGA SEKARANG NI! BISKUT RAYA PUN NAII HARGA! NI BELUM PENIAGA YANG CEKIK DARAH LAGI NI! APA KITA NAK BUAT?

MATOMATO



Bermula dengan hobi, kini jadi sumber rezeki

# TEMPURUNG JANA EKONOMI

KHAIRUL IDIN

**L**ABUAN yang dikenali sebagai pusat kewangan pesisir pantai serta industri minyak dan gas merupakan sebuah pulau pengeluar kelapa pada era pentadbiran British ketika dahulu.

Tidak dinafikan Labuan sememangnya kaya dengan sumber alam semula jadi dan sehingga kini penanaman pokok kelapa di sekitar pulau ini masih banyak.

Berdasarkan kepada sejarah dan kelebihan yang dimiliki Labuan, pasangan suami isteri, **Abd Ghani Nikman**, 48, dan Khatijah Aziz, 50, dari Kampung Tanjung Aru mengambil peluang mengusahakan perusahaan kraf tangan berdasarkan tempurung kelapa untuk dijadikan kraf tangan sebagai simbolik kepada pulau ini.

Bermula dengan hobi, pemilik perusahaan Teratak Hijau Kraft itu mengambil keputusan menjalankan perniagaan hasil seni kraf tangan daripada tempurung kelapa.

Abd Ghani yang lebih mesra disapa Wak Ghani berkata, idea untuk menghasilkan kraf tangan itu datang daripada isteri yang memintanya untuk menghasilkan acuan cendol menggunakan tempurung kelapa.

Katanya pada masa itu dia hanya membuatnya sekadar suka-suka dan mengisi masa lapang namun dia tidak menyangka hasil seni tangannya mendapat sambutan daripada pelanggan.

"Sebelum ini saya terlibat dalam bidang pertukangan. Untuk kraf tangan ini, saya mula aktif pertengahan tahun lepas.

"Ketika itu isteri saya menerima



ABD GHANI dan isteri bersama sebahagian kraf tangan keluaran Teratak Hijau Kraft.

tempahan daripada rakannya yang mahu mendapatkan produk kraf tangan pasu bunga dengan menggunakan tempurung kelapa.

"Alhamdulillah sambutan untuk produk pasu bunga itu amat menggalakkan dan saya dan isteri tidak menyangka produk kraf tangan menggunakan tempurung kelapa ini mendapat sambutan seperti ini," katanya.

Jelas Abd Ghani dengan perusahaan ini, bukan sahaja dapat memenuhi hobinya dan isteri malah

memberikan pendapatan tambahan kepada keluarga.

"Niat asal kami hanya untuk memperkenalkan produk kraf tangan semasa lawatan rasmi Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah ke Labuan pada hujung tahun lalu, bukan untuk jualan."

"Bermula dari situ, kami berdua nekad untuk menjalankan perusahaan ini dengan lebih serius kerana kami melihat peluang dalam kraf tangan ini sememangnya ada dan harus dimanfaatkan," jelas

beliau yang telah menghasilkan lebih 30 jenis kraf tangan berdasarkan tempurung kelapa.

Antara kraf tangan yang beliau hasilkan ialah replika pokok kelapa yang menjadi simbolik kepada Labuan, semut, burung hantu, pasu bunga, acuan tepung cendol dan tabung.

Abd Ghani berkata pihaknya turut mendapat tawaran membekalkan produk kraf tangan kepada agensi kerajaan seperti Perbadanan Labuan, Perbadanan Putrajaya dan

Jabatan Wilayah Persekutuan.

"Kami amat bersyukur dengan sokongan dan dorongan yang diberikan oleh agensi kerajaan di sini yang sentiasa memberikan ruang dan peluang kepada kami mengembangkan lagi perusahaan ini," katanya.

Tambahnya untuk menghasilkan kraf tangan yang elok dan tidak mudah rosak, beliau akan memastikan tempurung kelapa yang menjadi bahan asas berada dalam keadaan baik serta tidak mudah rapuh untuk memudahkan ia dibentuk.

"Saya akan melukis bentuk yang diinginkan terlebih dahulu di atas kertas sebelum ditekap di atas permukaan tempurung kelapa. Kemudian, ia akan dicanai mengikut bentuk yang diperlukan dan diakhiri dengan cat untuk mengelakkannya lepas."

"Dari segi pemilihan tempurung kelapa, saya lebih gemar menggunakan kelapa pandan yang mana struktur tempurungnya lebih sesuai digunakan untuk menghasilkan reka bentuk yang sulit," katanya.



Teratak Hijau Kraft  
Simpang Pelangi, Kampung Tanjung Aru, Labuan.



014-229 3469

## Dari jalanan, Burgerman setaraf luar negara

**BERMULA** dari jalanan di awal perniagaannya, usahawan Bumiputera, **Nordin Mat** beralih membuka jenama BGM Burgerman yang menawarkan makanan segera bercita rasa tempatan.

Pengurus Besar Burgerman, Nordin Mat berkata sejak dibuka di Kompleks Bangi Gateaway, perniagaannya semakin mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Menurut beliau, Burgerman dibuka kerana tidak ramai Bumiputera berkecimpung dalam perniagaan makanaan segera berdasarkan burger sebagai menu utama.

"Kalau lihat peniaga lain, kebanyakannya membuka restoran makanaan segera berdasarkan ayam goreng.

"Kita memfokuskan burger manakala ayam goreng sebagai makanaan sampingan," katanya ketika ditemui di BGM Burgerman.

Nordin, 52, yang berasal dari Pantai Remis, Perak, berkata semangat tidak putus asa

membuatkan perniagaannya semakin berkembang.

Beliau berkata pembukaan Burgerman baru berusia hampir tiga bulan.

"Buka Burgerman pada 22 November tahun lepas. Kita buka Burgerman nak menyediakan alternatif selain fast food lain yang sebelum ini diboikot dalam isu Palestin," katanya.

Nordin berkata Burgerman menawarkan makanaan segera yang dihasilkan daripada bahan-bahan segar menggunakan sumber tempatan.

"Dari segi roti, patty daging, sos, ayam, tepung dan lain-lain, semuanya bahan tempatan.

"Ramai orang ingat kami menggunakan bahan dari luar (import), tidak. Semua guna bahan *homegrown* (buatan sendiri), kita bantu usahawan-usahawan tempatan," katanya.

Nordin yang juga pengasas jenama GTR Burger berkata perniagaannya juga menyediakan khidmat 'drive in' bagi memudahkan

pelanggan membeli.

Dalam pada itu, Nordin berkata beliau berhasrat untuk melebarkan cawangan BGM Burgerman di Shah Alam, Selangor dan Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada tahun ini berikutnya permintaan yang memberangsangkan.

Beliau berkata selain itu, pelanggan juga boleh membuat pesanan secara dalam talian.

Katanya dari segi harga juga sangat berpatutan dan penjualan bermula pada harga RM7.20.

Tambahnya setiap bulan pihaknya ada membuat promosi 'before gaji meal' dengan harga burger ayam RM2.

Menjelang Ramadan katanya, Burgerman menyediakan paket kepada mana-mana pihak yang ingin membeli set burger untuk program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kita boleh buat sehingga 3,000 set setiap hari."

"Ramai yang nak buat CSR boleh memilih Burgerman dan setiap pembelian melebihi RM200 akan

mendapat satu set burger percuma," katanya.

Nordin berkata, sepanjang Ramadhan perniagaannya dibuka sehingga pukul 5.30 pagi.

Katanya, waktu kebiasaan adalah dari pukul 10 pagi hingga 10 malam dan dibuka setiap hari.

Beliau juga berkata mempunyai perancangan untuk membuka 24 jam sekiranya mendapat sambutan yang besar.

Dalam pada itu, Nordin

turut menasihatkan mana-mana peniaga Bumiputera untuk tidak berputus asa dengan cabaran semasa dalam perniagaan.



NORDIN menunjukkan burger yang dihasilkan.

# SPWP baik pulih rumah warga emas

**SYARIKAT** Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) memperuntukkan RM30,000 untuk membaik pulih sebuah rumah milik warga emas di Apartmen Desa Tasik melalui Program Ihsan MADANI.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah SPWP, **Mohamad Mahathir Mohamed Younos** berkata penduduk tersebut, Rokiah Ismail seorang yang uzur dan memerlukan tempat tinggal yang lebih selamat.

“Dengan perbelanjaan mencecah RM30,000, rumah tersebut telah dibaik pulih dan diserahkan kembali kepada pemiliknya,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Ihsan MADANI di Apartmen Desa Tasik, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin dan Pengurus Jawatankuasa Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed.

Menurut Mohamad Mahathir proses baik pulih kediaman tersebut mengambil masa selama 30 hari.

“Dari segi penilaian, kita akan melihat aspek keseluruhan rumah sama ada dari segi dalaman, infra contohnya struktur siling, lantai dan sebagainya termasuk bahagian-bahagian komponen seperti pintu.

“Dari situ juga kita dapat di kawasan Apartmen Desa Tasik ini memang ada rumah yang kalau kita lihat sebelum ini memang tidak kondusif dan selamat untuk didiami kerana penuh dengan belukar dan semak samun. Oleh sebab itu kita cuba dapatkan sokongan daripada SPWP melalui YWP untuk memulakan proses baik pulih ini,” katanya.

Dalam pada itu beliau menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menjayakan usaha murni tersebut antaranya YWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wilayah Persekutuan Bandar

Tun Razak dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

Dalam majlis sama, seramai sembilan orang pelajar yang bakal melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) menerima Skim Bantuan Awal sebanyak RM700 seorang daripada YWP.

Bantuan tersebut diberikan secara *one-off* untuk membantu pelajar memulakan pengajian di IPT.

Selain Skim Bantuan Awal IPT, tiga individu lain menerima Bantuan Perubatan YWP bagi meringankan beban kos rawatan dan perubatan mereka.

Bantuan tersebut diberikan berdasarkan keperluan pesakit untuk mendapatkan rawatan, ubat-ubatan dan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

Dalam masa sama, 100 orang penduduk Desa Tasik yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan turut menerima Bakul Makanan MADANI daripada YAPEIM.



WAN AZIZAH ketika melawat rumah asnaf yang dibaik pulih pada Majlis Ihsan MADANI di Apartmen Desa Tasik, Kuala Lumpur.

Manipulasi lesen bazar Ramadan

## TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL

AZLAN ZAMBRY

**K**ERAJAN memberi jaminan manipulasi lesen bazar Ramadan di Wilayah Persekutuan tidak akan berlaku lagi susulan langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil alih sepenuhnya penganjuran bazar tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata langkah itu memastikan tiada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan menjual semula tapak bazar pada harga tinggi seperti sebelum ini.

“Tahun ini adalah kali pertama bazar dikendalikan sepenuhnya oleh DBKL, tanpa penglibatan pihak ketiga. Peniaga perlu membuat permohonan lesen secara terus melalui sistem dalam talian, tanpa orang tengah.

“Petak bazar pula ditentukan secara telus melalui cabutan undi yang disiarkan secara langsung di Facebook rasmi DBKL. Jika ada kekosongan, permohonan dibuka secara *first come, first serve*,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Dr Hatta Ramli pada sesi jawapan lisan Dewan Negara.

Menurut Zaliha pihaknya turut mengesan cubaan pihak-pihak tertentu yang menjual tapak bazar menerusi aplikasi WhatsApp dan beliau sendiri memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap individu terbabit.

“Saya ada nombor telefon individu yang cuba menjual tapak secara haram ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan lebih keras. DBKL



ZALIHA menjawab soalan mengenai isu lesen perniagaan di Dewan Negara.

jugalah membuat laporan polis bagi membendung aktiviti penjualan lesen secara tidak sah,” katanya.

Jelas Zaliha tahun ini, peniaga menikmati kadar sewa yang jauh lebih rendah berbanding sebelum ini, iaitu RM500, termasuk cagaran RM200 yang akan dipulangkan sekiranya syarat lesen dipatuhi.

“Berdasarkan maklum balas yang diterima, ramai peniaga meluahkan rasa lega kerana tidak lagi terbebas dengan kadar sewa yang tinggi yang sebelum ini boleh mencecah ribuan ringgit apabila dikendalikan oleh pihak ketiga,” jelasnya.

Katanya penganjuran bazar

Ramadan di Putrajaya dilakukan di empat lokasi bazar Ramadan di Presint 3, Presint 11, Presint 14 dan Presint 16, serta satu Bazar Syawal yang menempatkan 1,054 peniaga dan diuruskan secara terus oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

Sementara itu di Labuan, sebanyak

tujuh bazar Ramadan akan beroperasi, termasuk di Labuan Walk dan Anjung Selera Durian Tunjong, membabitkan 255 permohonan lot bazar di bawah kelolaan Perbadanan Labuan (PL) dan beberapa penganjur lain.

“PPj dan PL turut memberi

jaminan bahawa tiada manipulasi

dalam pemberian lesen penjaja.

Penguatkuasaan akan dilakukan secara

berkala bagi memastikan bazar berjalan

lancar tanpa sebarang penyelewengan,”

tegas Dr Zaliha.

Jelas beliau langkah ini adalah

sebahagian daripada usaha kerajaan

memastikan sistem yang lebih telus,

teratur dan bebas daripada sebarang

manipulasi.

“Sebarang kelemahan dalam

penganjuran bazar tahun ini akan

diperbaiki. Kita mahu pastikan sistem

yang lebih adil kepada peniaga serta

menghapuskan sindiket jualan tapak

yang membebankan mereka,” katanya.

Jelasnya sebanyak 138

program telah dirancang

dan antara pecahannya

## Perkujuh fungsi muzium pusat ilmu

**KALENDAR** Program 2025 yang dilancarkan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menghimpunkan pelbagai program yang memfokuskan perpaduan, budaya warisan dan sejarah sepanjang tahun ini.

Jabatan Muzium Malaysia dalam kenyataan memaklumkan kalender tersebut dirangka dengan teliti bagi merancakkan lagi landskap permuziuman negara serta memperkujuh perananannya dalam

memberi khidmat pengembangan ilmu pengetahuan.

“Program-program yang dianjurkan bertujuan untuk menggalakkan keterlibatan masyarakat menerusi aktiviti interaktif dan berinformasi.

“Antara program utama yang bakal berlangsung sepanjang tahun ini termasuk pameran bersempena Malaysia sebagai Penggerusi ASEAN 2025, seminar bertaraf antarabangsa, Citra Nusa@ Muzium, Festival Hari Muzium Antarabangsa, Fun@Muzium, seminar dan program muzium dan komuniti (*outreach*),” katanya.

“Jelasnya sebanyak 138 program telah dirancang dan antara pecahannya

adalah lapan program di bawah inisiatif Citra Nusa, lima program FUN @Muzium, sembilan buah pameran, 30 bicara/forum/seminar/persidangan, 45 program jangkauan dalam (*inreach*), 23 program muzium dan komuniti (*outreach*) serta 18 program di bawah Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM).

Menurutnya JMM akan mempertingkat usaha kerjasama bersama rakan-rakan strategik dalam usaha memperluas capaian serta memastikan program-program berimpak tinggi yang dilaksanakan memberi kesan positif kepada semua pihak terlibat.

“Pelaksanaan program-program ini diharap dapat memperkujuh fungsi muzium sebagai pusat ilmu dan pemeliharaan warisan selain menarik lebih ramai pengunjung ke muzium-muzium di seluruh negara.

“JMM mengalu-alukan penyertaan masyarakat dalam pelbagai program yang telah dirancang sepanjang tahun 2025 bagi bersama-sama menghayati serta menghargai sejarah dan budaya negara di samping memupuk rasa perpaduan dalam kalangan masyarakat,” katanya.

# KEJUTAN LONGGOKAN WANG TUNAI DI AWAL RAMADAN

ZULKIFLI SULONG

**M**ALAYSIA dan dunia digemparkan oleh pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang penemuan wang tunai RM170 juta, 16 jongkong emas seberat satu kilogram tiap-tiap satu dan pelbagai jenis barang kemas.

Kesemua barang ini adalah rampasan hasil serbuan pihak berkuasa itu ke atas sebuah kondo yang dijadikan *safe house* atau tempat penyimpanan.



PENULIS BEBAS

La mula terdedah dengan maklumat kononnya SPRM merampas RM150 juta wang berkaitan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ekoran itu, ada yang membuat andaian ia dirampas dalam keadaan duit itu berada dalam 150 buah beg *duffle* yang mana setiap satu begnya mengandungi wang tunai RM1 juta.

Kemudian berita ini disahkan oleh SPRM dengan berkata lebih RM100 juta wang telah disita.

Serentak dengan itu juga, gambar Ismail Sabri terbaring di katil hospital disiarkan oleh media sosial.

Mengikut keterangan SPRM, Ismail Sabri telah diambil keterangan selama kira-kira lima jam pada 19 Februari lalu dan ia jatuh pengsan beberapa hari selepas itu. SPRM juga mengesahkan kini Ismail Sabri adalah suspek dalam kes ini bukan lagi saksi.

Bagi mencerita dan menunjukkan apa yang berlaku, SPRM secara rasmi mengadakan sidang media mereka pada 3 Mac lepas.

Ketika inilah cerita mengeninya didebak secara rasmi oleh SPRM sambil menunjukkan longgokan wang tunai, jongkong emas dan barang kemas yang dirampas.

Turut terlihat adalah selongkok barang



SPRM bertegas dengan prinsip bahawa siasatan mereka adalah profesional.

kemas yang masih lagi belum dinilai. SPRM menjangkakan nilai rampasan melebihi RM177 juta.

Untuk rekod, wang tunai yang dirampas meliputi wang tunai dalam dolar Singapura, baht, riyal, pound, won Korea, euro, Swiss Franc dan yuan China.

Agenzi anti rasuah itu difahamkan telah menyerbu tiga premis termasuk sebuah 'safe house' sebelum menemui wang ratusan juta ringgit.

Wang ini dikatakan diletakkan dalam tiga peti besi.

Apabila ditanya para wartawan, apakah ini satu siasatan terpilih dan bermotif politik, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri bertanya kembali, apakah ini siasatan terpilih dengan segala bukti yang berada di depan mata?

"Apakah anda fikir ini penyiasatan terpilih?" Soal Azam kepada wartawan di sidang media beliau bersama dengan segala bukti yang diperoleh SPRM.

Di depan beliau berlonggok wang tunai dari pelbagai jenis mata wang, jongkong emas 16kg dan barang kemas berjenama mahal.

Azam berkata SPRM bertegas dengan prinsip bahawa siasatan mereka adalah

profesional dan tidak berdasarkan arahan dari pihak luar dan bukan bermotif politik.

Beliau berkata sejak awal 2024, SPRM telah menyiasat berkaitan dengan projek kempen media Keluarga Malaysia yang bernilai RM700 juta.

Sehingga kini, 13 akaun bank bernilai kira-kira RM2 juta telah dibekukan, kata Azam namun akaun Yayasan Keluarga Malaysia belum dibekukan.

SPRM juga telah mengenal pasti hampir 10 saksi yang akan dipanggil untuk membantu siasatan dalam masa terdekat.

## ANDAIAN

PELBAGAI andaian telah dibuat oleh pelbagai pihak bagaimana SPRM boleh menjelak simpanan wang tunai RM170 juta dan jongkong emas di sebuah kondo (*safe house*) yang dikaitkan dengan Perdana Menteri kesembilan itu.

Ada yang kata, ia berlaku kerana ada pegawai yang berpaling tадah, ada juga yang berkata kerana kecekapan intipan SPRM dan ada juga yang berkata ia adalah hasil daripada kesilapan pasukan Datuk Seri Ismail Sabri sendiri.

Namun yang paling menarik adalah dakwaan ia berlaku akibat daripada kesilapan pasukan Ismail Sabri yang tidak sabar muh menukar wang tunai itu ke dalam bentuk aset.

"Kes Ismail Sabri terdedah kerana pegawai beliau sudah tidak sabar nak jadikan cash RM170 juta sebagai aset dengan membeli rumah banglo RM20 juta cash," dakwa seorang aktivis media sosial di TikTok.

Khabar angin tersebar kononnya seorang bekas pegawai kanan Ismail Sabri telah membeli sebuah banglo dengan harga RM20 juta secara tunai.

Apabila pembelian secara tunai dengan jumlah yang besar berlaku, ia akan menyebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tersedar mengenainya dan siasatan akan dibuat.

"Malangnya setiap pindah milik harta harus melalui LHDN untuk disemak cukai yang dikenakan bagi pemeroletan harta."

"LHDN semak dan perkara ini amat tak lojik untuk seorang pegawai yang berkhidmat 16 bulan mempunyai duit sebanyak itu," kata beliau lagi.

Selain dari itu, menurut sumber, wang ini dikumpulkan untuk projek Tebuk Atap 2.

Tebuk Atap adalah istilah yang digunakan oleh Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang ketika menolak dakwaan kerajaan PN sebelum ini dibentuk melalui pintu belakang.

Tebuk Atap 2 adalah projek untuk membolehkan Kerajaan MADANI dijatuhi melalui undi tidak percaya di Parlimen.

"Mereka mensasarkan sekurang-kurangnya 10 Ahli Parlimen UMNO lagi untuk dibeli bagi membolehkan mereka ada cukup jumlah membuat undi tidak percaya di Parlimen."

"Untuk menggunakan pendekatan Tebuk Atap versi 1 ia sudah tidak boleh kerana pintu istana tidak akan dibuka untuk mereka lagi," kata sumber UMNO berkenaan.

Kita tungguhlah apakah cerita sebenarnya di sebalik pendedahan ini di samping kita mula mengkaji apakah benar cerita-cerita spekulasi ini.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

## Pastikan makanan bersih



## Sekolah ala kondominium

**SUDAH** beberapa hari umat Islam di Malaysia menunaikan ibadah puasa. Bermakna juga sudah beberapa hari bazar Ramadan beroperasi menyediakan pelbagai jualah.

Di Kuala Lumpur, terdapat bazar Ramadan yang sudah sinonim dengan orang ramai sejak sekian lama. Antara yang popular seperti di Jalan Raja Abdullah, Kampung Bharu, Keramat, Wangsa Maju, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Danau Kota.

Sambutan memang menggalakkan. Sejak awal petang sudah ramai datang berkunjung, sehingga keadaan di bazar sesak.

Tetapi dalam membeli, amalkan jimat cermat dan berpada-pada. Siang hari waktu

perut lapar semua hendak dibeli, hendak dimakan. Kerana itu jadi gelap mata, seolah-olah semua yang dijual mahu diberong dibawa pulang.

Sikap ini bukan sahaja menyebabkan banyak belanja perlu dikeluarkan, tetapi boleh menjurus kepada pembaziran.

Kawan-kawan Kedai Kopi juga ingin ingatkan para peniaga di bazar Ramadan agar menitikberatkan aspek kualiti dan kebersihan makanan. Jual hanya makanan yang elok dan bersih. Pastikan makanan yang sudah rosak atau basi tidak dijual.

Jika makanan sudah tidak elok dan dijual kerana tidak mahu rugi, perbuatan ini membahayakan pembeli. Jangan anjaya mereka.

**PEMBINAAN** 'sekolah kondominium' atau 'sekolah pangsa' sesuatu yang baru di Kuala Lumpur. Sekolah dalam bangunan tinggi ini bagi menampung keperluan pelajar sekolah rendah dan menengah yang makin bertambah.

Memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, perkara ini dalam perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Di bawah pelan DBKL, satu sekolah dicadang mengandungi dua blok bangunan dengan ketinggian antara 10 hingga 17 tingkat. Pembinaannya akan mengekalkan ciri penting pendidikan, sukan dan rekreasi, juga menggunakan pakai ruang atas bumbung atau 'roof top'.

Walaupun ini merupakan idea baharu dan mungkin dianggap janggal, kawan-kawan Kedai Kopi rasa ia boleh dan sesuai dilaksanakan.

Konsep ini sudah dilaksanakan di negara lain, misalnya Australia. Sekolah dibina dalam dua blok setinggi 10 hingga 17 tingkat, lengkap dengan padang permainan. Model inilah yang dijangka diterapkan bagi pelaksanaan konsep tersebut di ibu kota.

Sesuatu yang baharu mungkin janggal pada peringkat awal. Namun lama kelamaan ia akan diterima baik. Sekurang-kurangnya boleh dibuat projek perintis bagi mengukur sejauh mana penerimaannya dalam kalangan warga kota.



# PERTANDINGAN **BINTANG KL** 2025

**29 OGOS 2025**  
AUDITORIUM DBKL

## HADIAH PERTANDINGAN

- \* **Tempat pertama**  
- RM5,000.00, piala dan sijil penyertaan
- \* **Tempat kedua**  
- RM3,000.00, piala dan sijil penyertaan
- \* **Tempat ketiga**  
- RM2,000.00, piala dan sijil penyertaan
- \* **Saguhati tempat ke empat hingga ke sepuluh**  
- RM500.00 dan sijil penyertaan
- \* **Persembahan terbaik**  
- RM500.00



Sila Imbas  
Untuk Pendaftaran

Beri peluang peniaga tempatan promosi produk makanan

# TARIKAN BAHARU DE' TAMBING

KHAIRUL IDIN

**P**ENGOPERASIAN semula Lestari Niaga MADANI De' Tambing Portview yang dahulunya dikenali sebagai Siswazah Corner bakal menjadi tarikan baharu sebagai syurga makanan kepada pengunjung.

Menurut Pengurus premis, **Mohamad Sobree Ismail**, lokasi baharu itu memberi peluang kepada peniaga tempatan untuk memperkenalkan produk makanan dengan lebih meluas.

Katanya rata-rata peniaga yang terpilih untuk menjalankan perniagaan menyambut baik pengoperasian semula lokasi itu yang disifatkan sebagai ruang untuk mereka mengembangkan perniagaan khususnya produk makanan.

"Ini menjadi satu titik permulaan kepada kami khususnya peniaga untuk meningkatkan pendapatan dan mengetengahkan produk makanan masing-masing.

"Lokasi ini dahulunya sangat

daif dengan kemudahan yang terhad. Usaha menaik taraf kawasan perniagaan ini mencerminkan keprihatinan kerajaan membantu golongan peniaga kecil," katanya kepada Wilayahku.

Jelas Mohamad Sobree selain memberikan peluang kepada peniaga kecil, pengoperasian semula laman Lestari Niaga MADANI ini memberikan impak positif dengan suasana persekitaran lebih meriah.

"Sesuai dengan lokasinya yang berdekatan dengan laut, sudah tentu pemandangannya indah di samping kita dapat melihat aktiviti kapal-kapal di sekitar perairan Labuan. Ia menyajikan suasana damai kepada pengunjung.

"Lokasinya juga dekat dengan terminal pusat bandar serta mempunyai fasiliti yang cukup baik," katanya.

Beliau berkata, lokasi itu menempatkan seramai 10 peniaga dengan

mengetengahkan konsep medan selera serta tujuh kios yang menawarkan aneka juadah.

Terdahulu, Perbadanan Labuan (PL) menjelaskan pelaksanaan menaik taraf bangunan yang dahulunya dikenali sebagai Siswazah Corner itu menelan peruntukan RM1.2 juta dan siap sepenuhnya pada pertengahan November lalu.

Pelaksanaan naik taraf itu mengetengahkan wajah baharu yang lebih selesa dengan kelengkapan asas yang lebih baik antaranya struktur bangunan berbumbung.

Program Lestari Niaga@ Labuan adalah inisiatif Kerajaan MADANI di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi menaik taraf dan mengindahkan fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada di sekitar pulau ini untuk menjadi lebih kondusif dan selesa. 



ANTARA peniaga yang menjalankan perniagaan di Lestari Niaga MADANI De' Tambing.



PELAJAR cemerlang yang ditawarkan bbiaswa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di Labuan.

## Penuntut terima bbiaswa

**SERAMAI** 12 penuntut institut pengajian tinggi awam (IPTA) ditawarkan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan nilai keseluruhan lebih RM407,000.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan, **Md Fadzli Md Saad**, pemilihan pelajar dibuat berdasarkan keputusan akhir peperiksaan di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma dan Matrikulasi serta perkiraan had kifayah keluarga.

Katanya kadar biasiswa diberikan berdasarkan kos yuran pengajian semasa di institut pengajian berkaitan, eluan sara diri, yuran penginapan dan bahan bacaan

mengikut keperluan serta keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemilihan Skim Biasiswa MAIWP.

"Bagi sesi 2024/2025, jumlah keseluruhan biasiswa yang disalurkan kepada 12 penerima bernilai lebih RM407,000.

"MAIWP berharap dengan biasiswa yang diberikan ini dapat menjadi pembakar semangat untuk bergelar seorang graduan yang berjaya kelak," katanya pada Majlis Penyampaian Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang MAIWP baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Pengurus Operasi MAIWP Labuan, Mohd Radzaleih Matusin dan Ketua Unit Agihan Zakat MAIWP Labuan, Nur Atilla Jasneh.

Sementara itu, seorang pelajar, Musfarihim Muslim, 20, yang akan melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Binaan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada MAIWP kerana menawarkan biasiswa berkenaan.

Beliau yang merupakan seorang pelajar cemerlang menerima kadar biasiswa tertinggi berbanding pelajar lain iaitu sejumlah RM45,400.

"Dengan biasiswa ini dapat meringankan beban ahli keluarga saya untuk membayai kos sepanjang pengajian.

"Saya amat berterima kasih kepada MAIWP dan pembayar zakat kerana terpilih untuk menerima biasiswa ini," katanya. 

## 1.139 juta kunjungi Labuan

**SEJUMLAH** 1.139 juta pengunjung terdiri daripada pelancong dalam dan luar negara direkodkan berkunjung ke Labuan sepanjang tahun lalu, sekali gus mencatatkan peningkatan sebanyak 14.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Pengarah Tourism Malaysia Sabah, **Haryanty Abu Bakar**, peningkatan jumlah kunjungan itu jelas menunjukkan Labuan semakin dikenali sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Katanya pihak Tourism Malaysia menyarakn Labuan bakal menerima 1.2 juta pengunjung sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026.

"Banyak masyarakat sasaran itu, pihak kami telah melaksanakan pelbagai usaha dengan mempromosikan pakej-pakej pelancongan di pulau ini dengan mengetengahkan konsep 5S.

"Ia merujuk kepada 'Sun', 'Sand', 'Seafood', 'Shopping' dan 'Sport Tourism' seperti ditetapkan oleh Perbadanan Labuan bagi merancakkan semula sektor pelancongan di Labuan," katanya.



**HARYANTY**

kepada Wilayahku.

Haryanty berkata pihaknya akan meneruskan untuk menawarkan program atau pakej Fly Borneo Volume 3 yang membabitkan tiga destinasi utama di Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Labuan.

Dalam pakej tersebut katanya Tourism Malaysia akan memasukkan lokasi-lokasi menarik yang terdapat di Labuan untuk dipasarkan atau dipromosikan ke peringkat domestik maupun antarabangsa.

Tambahnya, bagi merancakkan lagi industri pelancongan khususnya di Labuan, kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Tourism Malaysia meneruskan penawaran dua geran sokongan kepada pemain industri bagi mempergiat promosi produk pelancongan.

Katanya, dua geran yang ditawarkan adalah Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) dan Geran Galakan Melancong (GAMELAN) untuk memberi fokus ke atas pengajuran program atau acara pelancongan oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri. 

Memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan lebih mampan

# 180 CCTV DI PUTRAJAYA, LABUAN

SABRINA SABRE

**D**ALAM meningkatkan tahap keselamatan awam dan langkah awal membentuk bandar pintar, sebanyak 180 kamera litar tertutup (CCTV) akan dipasang di Putrajaya dan Labuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, ia juga bertepatan dengan visi C.H.A.S.E City 2025-2029 yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat, inovasi teknologi dan peningkatan sosioekonomi.

Selain itu katanya sebanyak 5,000 CCTV canggih dan dilengkapi kecerdasan buatan (AI) di sekitar Kuala Lumpur akan diintegrasikan dengan Pusat Kawalan Kuala Lumpur (KLCC) bagi meningkatkan pemantauan keselamatan.

“Bagi saya tanggungjawab membangunkan Wilayah Persekutuan bukan hanya terletak di bahu kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi, tetapi ia juga perlu melibatkan semua pihak berkepentingan.”

“Kita muah memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan lebih mampan, sejahtera, makmur dan berdaya huni untuk warganya,” katanya selepas merasmikan Majlis Aspirasi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) 2025 di Putrajaya baru-baru ini.



PCC bertujuan meneliti dan mengawasi sebarang aktiviti di kawasan awam. - Gambar hiasan

Zaliha berkata CCTV ini bukan sahaja akan meningkatkan tahap keselamatan awam, tetapi meningkatkan keberkesanan termasuk pemantauan secara proaktif dan tindakan lebih pantas kepada keadaan situasi kecemasan, insiden trafik mahupun aktiviti jenayah.

“Dengan adanya kesemua ini, saya yakin pusat kawalan kita boleh beroperasi sebagai *brain* yang memberikan kita satu *bird-eye's view* dan akhirnya boleh diperincikan kepada *data driven centralised decision making*.

“Dapatkan lawatan kerja saya ke Shenzhen, China tahun lalu, saya

telah dibawa mewacarakan ke Smart Longgang District Council di mana saya menyaksikan bagaimana pengurusan bandar pintar mereka dikendalikan melalui Pusat Operasi Bersepadu yang berkali-kali ganda lebih hebat dari kita.

“Kejayaan mereka adalah kerana perolehan data mereka yang

lebih besar, pelbagai dan lengkap. Walaupun saya tidak nafikan, KLCC dan Putrajaya Command Centre (PCC) pun tidak kurang hebatnya, tetapi ada yang kita boleh belajar dan laksanakannya di sini antaranya adalah dengan mengintegrasikan CCTV milik swasta untuk digunakan bagi tujuan pengurusan bandar.

“Jadi, saya minta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPJ) untuk turut melihat bagaimana pelaksanaan ini boleh direalisasikan dalam tahun ini juga,” katanya.

Dalam masa sama, beliau turut menggesa semua pihak termasuk warga kerja Wilayah Persekutuan untuk terus memperkuuh tatakelola dan mempercepat penyelesaian aduan rakyat bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan kepada masyarakat.

“Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan limpahan ekonomi dirasai setiap lapisan masyarakat Wilayah Persekutuan khususnya golongan miskin bandar.

“Oleh itu, Program Pembangunan Usahawan Komuniti (PUSH) yang sebelum ini berjaya membantu golongan berpendapatan rendah (B40) akan diperluas kepada lebih ramai penerima termasuk wanita dan golongan miskin bandar,” katanya.

## Sasar jualan RM10 juta

**A**NJUNG Syawal yang diadakan selama 33 hari bermula 28 Februari lalu di Dataran Putrajaya menyasarkan jualan merangkumi pelbagai produk dan segmen pasaran menjangkau nilai RM10 juta.

Penganjur yang juga Pengarah Urusan Raydiates Blue Sdn Bhd, **Rayme Zainal** berkata sasaran itu berupaya dicapai kerana bazar Aidilfitri yang terbesar di Lembah Klang itu memasuki penganjuran tahun ke-13.

“Pihak kami jangka mendapat sambutan luar biasa dalam kalangan penduduk di luar Kuala Lumpur yang membolehkan setiap lot niaga menjana jualan RM30,000.

“Kami berjaya menjual 320 lot niaga di Anjung Syawal dengan bayaran sewa penuh di mana ia melepas sasaran awal sebanyak 292 lot niaga. Apa yang mengejutkan tawaran lot niaga ini hanya dibuka secara rasmi pada awal Januari lalu,” katanya.

Beliau berkata sambutan menggalakkan ini berjaya menepis dakwaan bazar Aidilfitri tahun 2025 tidak akan meriah seperti kebiasaan.

“Ini kerana terdapat isu yang dimainkan di media sosial yang menasihati peniaga agar tidak berniaga di bazar Aidilfitri kerana masyarakat tidak gemar membeli secara fizikal lagi,” katanya.



ANJUNG Syawal berlangsung selama 33 hari sehingga malam Aidilfitri.

Bertemakan ‘Memori Ramadan, Aspirasi Syawal’, Rayme berkata pelbagai aktiviti dan reruai akan dilaksanakan dengan konsep kekayaan budaya Melayu dan kesenian Islam yang menjadi tradisi turun-temurun di negara ini.

“Antara kelainan baharu Anjung Syawal adalah memperkenalkan segmen Pangkin Tradisi dan Serambi Santai bagi menyediakan pelbagai aktiviti kebudayaan serta ruang selesa untuk pengunjung beristirahat.” katanya.

“Orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana lebih 2,000 tapak parkir kendaraan dengan bayaran rendah disediakan di sekitar kawasan utama Presint 3, Putrajaya bagi menampung pertambahan jumlah pengunjung.

“Tambahnya pula lokasi ini menjadi pilihan orang ramai setiap tahun kerana ia berdekatan dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin untuk memudahkan mereka menunaikan solat berjemaah dan juga bersolat tarawih,” katanya.

## Adik-beradik dominasi triatlon kebangsaan

**K**EJOHANAN Kebangsaan yang berlangsung serentak dengan Piala Asia Triatlon (ATC) Putrajaya menyaksikan kejayaan adik-beradik, Benjamin John dan Esther Joy Chen apabila masing-masing dinobatkan sebagai juara kategori lelaki dan wanita kebangsaan.

Benjamin muncul sebagai pelumba lelaki tempatan terpantas setelah menamatkan perlumbaan di tempat ke-43 daripada 65 peserta dengan catatan 1 jam 1 minit 50 saat, sekali gus memperbaiki pencapaian tempat ketiga yang diraihnya tahun lalu.

Sementara itu, Esther berjaya mempertahankan gelaran juara wanita kebangsaan setelah menduduki tempat ke-22 dalam kalangan 46 peserta dengan catatan masa 1:53:55.

Bagi Esther, kemenangan ini menjadi permulaan yang baik bagi musim 2025, di mana dia sedang giat membuat persiapan untuk layak ke Sukan SEA Thailand 2025 dengan catatan 1:02:08.

dengan menyuarakan impiannya menamatkan kemarau pingat buat Malaysia dalam acara triatlon pada temasya dwitahunan itu.

Dalam saingan elit lelaki, jaguh Switzerland, Max Studer, menepati ramalan apabila muncul juara dengan catatan masa 52 minit 23 saat.

Pesaing terdekatnya, Oscar Coggins dari Hong Kong meraih tempat kedua dengan catatan masa 53:18, manakala atlet ranking ke-15 Asia, Ryosuke Maeda dari Jepun melengkapkan kedudukan tiga teratas dengan masa 53:25.

Dalam kategori wanita elit, Isla Britton mencipta kejutan apabila mengatasi pesaing dari Jepun, Mako Hiraizumi, pada pecutan terakhir menuju garisan penamat.

Britton mencatat masa 1:15:22, empat saat di hadapan Hiraizumi yang menamatkan saingan dengan 1:01:56. Tempat ketiga menjadi milik Kim Gyu-ri dari Korea Selatan dengan catatan 1:02:08.

Platform menggalakkan gaya hidup sihat dalam komuniti

# SUKAN PICKLEBALL JADI PILIHAN

SABRINA SABRE

**G**ELOMBANG sukan pickleball semakin berkembang dan kini mendapat tempat di Malaysia terutama Wilayah Persekutuan.

Popularitinya meningkat kerana ia mudah dimainkan, tidak memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi sekali gus menarik perhatian semua peringkat umur sama ada kanak-kanak mahupun warga emas.

Menggabungkan elemen tenis, badminton dan ping pong, menjadikannya mudah dipelajari dan menyeronokkan untuk semua peringkat umur.

Menurut Presiden Persatuan Pickleball Wilayah Persekutuan Putrajaya, **Amir Farid Abdul Majid**, di Wilayah Persekutuan, kemudahan pickleball semakin banyak tersedia.

“Beberapa gelanggang telah dibuka oleh pihak kerajaan dan swasta, menjadikannya lebih mudah diakses oleh orang ramai.

“Di Putrajaya misalnya, telah



AMIR FARID

menjadi pusat utama perkembangan pickleball dengan pelbagai aktiviti seperti Liga Penjawat Awam dan Liga Remaja Bulanan.

“Klinik pengenalan pickleball juga dianjurkan bagi memberi peluang kepada lebih ramai penduduk setempat untuk mencuba sukan ini buat kali pertama,” katanya.

Beliau berkata, Persatuan Pickleball Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan tahun lalu, turut memainkan peranan aktif dalam mempromosikan sukan tersebut.

Persatuan secara aktif telah mengajurkan kejohanan Pickleball

seperti KBS Masters Games 2024, Pickleball Veteran sempena Hari Sukan Negara serta program latihan untuk bakat muda.

Dengan usaha ini, pickleball bukan sahaja menjadi aktiviti riadah, tetapi juga satu platform untuk



ANTARA peserta yang menghadiri sesi Klinik Pengenalan Pickleball.

menggalakkan gaya hidup sihat dalam komuniti,” katanya.

Selain itu, Amir Farid berkata dengan perkembangan yang pesat, pickleball berpotensi menjadi antara sukan utama di Malaysia.

“Lebih banyak gelanggang dan kejohanan dijangka diwujudkan dalam masa terdekat. Jadi, bagi mereka yang masih belum mencuba pickleball, inilah masa terbaik untuk turun ke gelanggang dan rasai

sendiri keseronokannya,” katanya.

Sebagai rekod, di peringkat antarabangsa, sukan yang berasal dari Amerika Syarikat ini telah berkembang pesat dengan lebih 36 juta pemain di sana.

## Olympic House telan belanja RM103 juta

**PEMBINAAN bangunan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang baharu di Bukit Jalil dijangka melibatkan kos berjumlah RM103 juta.**

Menurut Presidennya, **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria**, daripada jumlah itu, RM93 juta adalah bagi pembinaan bangunan manakala RM10 juta merupakan nilai pajakan tanah bagi bangunan baharu yang akan dikenali sebagai Olympic House Malaysia.

“Untuk pajakan tanah, kita (MOM) perlu bayar RM5 juta dahulu dan selebihnya dibayar dalam masa 10 tahun.

“Bangunan ini akan ada

kemudahan baharu, muzium dan dewan banquet untuk menjana pendapatan tambahan MOM, dewan sidang media, bilik mesyuarat dan kita ada beberapa pejabat untuk persatuan sukan yang tidak mampu untuk ada pejabat besar,” katanya.

Terdahulu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pembinaan bangunan baharu itu telah dipersempurna Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh bagi pihak kerajaan.

Dalam pada itu, Mohamad Norza turut berharap Olympic House Malaysia dapat disiapkan menjelang

Sukan SEA 2027 yang menyaksikan Malaysia selaku tuan rumah.

“Akan ada fasa-fasanya untuk menyiapkan pembangunan, kita mahu siap bangun terdahulu jadi boleh adakan mesyuarat di sana, bukan mudah sebab kita habiskan banyak masa untuk berunding dengan kerajaan untuk projek ini,” katanya.

Ibu pejabat MOM baharu itu bakal dibina bersebelahan Stadium Hoki Nasional selain dikelilingi Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ), Pusat Akuatik Negara, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil.



SEKITAR Majlis Menandatangani Perjanjian antara MOM dan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM).



## Aaliyah cemerlang di New Zealand

**RATU luncur air negara, Aaliyah Yoong Hanifah** memulakan musim 2025 dengan cemerlang apabila meraih tiga pingat emas di Kejohanan Universiti Dunia Persekutuan Luncur Air dan Wakeboard Antarabangsa (IWWF) di Auckland, New Zealand.

Atlet berusia 21 tahun itu meraih emas dalam acara jump wanita selepas melakukan 44.7 meter (m) mengetepikan cabaran wakil Austria, Lili Steiner yang mencatatkan 43.5m manakala wakil tuan rumah, Lily Meade (gangsa) dengan 41.5m.

Aaliyah meneruskan kecemerlangan dengan meraih emas kedua dalam acara tricks wanita dengan mencatat keseluruhan 7,970 mata mengatasi pencabar dari Kanada, Hannah Stopnicki (5,760 mata) untuk perak manakala gangsa menjadi milik atlet Australia, Layne Moroney (5,050).

Bagi acara slalom pula, Aaliyah menamatkan saingan di tempat keenam dengan 2.00/55kph/12.00m.

Kejayaan dua emas acara jump dan tricks serta tempat keenam slalom membolehkan Aaliyah merangkul emas ketiga selepas muncul juara keseluruhan dengan jumlah dikumpul 2,863.64 mata manakala Steiner di tempat kedua dan Meade, ketiga.

“Emas pertama acara jump sangat luar biasa. Sejak 13 tahun lepas, setelah memenangi emas acara tricks di Sukan SEA 2011 pada usia lapan tahun, saya yakin bahawa suatu hari nanti akan jadi juara dunia,” katanya.

Sementara itu, ketua jurulatih kebangsaan, Hanifah Yoong mengakui terkejut dengan pencapaian Aaliyah kerana Persekutuan Ski Air & Wakeboard Malaysia (MWWF) hanya menyasarkan satu pingat emas dalam kategori keseluruhan dan penamat podium bagi acara jump dan tricks.

Haiza bimbang pengaruh pempengaruh media sosial

# KAWAL MINAT ANAK-ANAK

DEEL ANJER

**T**IDAK dinafikan, sesetengah ibu bapa gagal mengawal atau membimbing anak-anak yang terdedah dengan media sosial.

Bukan sahaja gagal mengawal anak-anak, malah terdapat ibu bapa sendiri yang bergelut dengan pengaruh teknologi dan mengakui terlalu banyak masa dihabiskan untuk melayari media sosial.

Bagi penyanyi dan penyampai radio popular, Haiza, sebagai ibu, dia turut berasa bimbang pengaruh media sosial terhadap anak tunggalnya, Nur Iman Syafie.

“Sebagai ibu, memang saya takut dengan pengaruh negatif daripada media sosial dan pempengaruh. Macam-macam berlaku sekarang.

“Saya bimbang anak-anak sekarang tidak kuat seperti mana generasi dulu yang boleh tapis macam-macam perkara negatif.

“Contohnya apabila dia meminati seseorang pempengaruh. Apa sahaja perkara negatif yang dilakukan pempengaruh itu, dianggap baik dan positif.

“Bukan tidak boleh minat mana-mana pempengaruh, tetapi kita sebagai ibu bapa kena kawal dan sudah tentu ada batas-batas tertentu,” katanya.

Haiza juga menitikberatkan soal ilmu agama yang perlu ditetapkan dalam diri anak-anak dari usia muda.

“Saya hantar Iman belajar di sekolah agama swasta, itu tidak bermakna sekolah lain tidak bagus. Sekolah lain pun bagus, kita pun dulu sekolah kerajaan.

“Cuma apabila bersekolah di situ, sesuai dengan masa kerja saya yang tidak menentu. Iman berada di sekolah dari pagi sampai ke petang. Di situ lah dia belajar akademik, bersukan dan belajar agama.

“Apabila saya lihat pengisian yang disusun itu lengkap, jadi saya tak rasa risau. Apa yang penting, dia tidak tertinggal ilmu-ilmu akhirat yang mungkin tidak sempat untuk saya ajar.

“Sebagai ibu bapa, memang tanggungjawab ajar anak tentang agama, kami buat itu. Cuma takut ada yang terlepas pandang,” katanya.

Dalam pada itu, Haiza akui lebih tegas dengan anaknya dalam hal berkaitan media sosial. Bagi penyanyi lagu Dag Dig Dug itu, pengaruh kurang baik pempengaruh dibimbangi akan mempengaruhi sikap anaknya.

“Mungkin ada orang nampak kanak-kanak sudah ada akaun media sosial sendiri, tetapi saya tak buat untuk Iman.

“Walaupun katanya 13 tahun ke bawah tak boleh ada media sosial. Kalau dia sudah layak ada media sosial pun nanti, saya tetap akan pantau supaya tidak cenderung ke platform-platform negatif.

“Apabila Iman komen seseorang pempengaruh itu bagus, saya duduk dengan dia dan terangkan kepada dia tidak semua bagus dan ada yang tidak boleh ikut.

“Pempengaruh ini, ada masanya dia sajikan konten yang bagus, tapi apa yang membuatkan saya risau apabila terdapat konten yang merepek. Saya bimbang jadi ikutan.

“Golongan ini ada ramai peminat termasuk kanak-kanak. Jadi apa yang disampaikan mereka seolah-olah semuanya betul. Kanak-kanak cenderung menganggap apa yang dibawakan mereka itu betul.

“Misalnya apabila ada pempengaruh yang tiada adab. Kanak-kanak akan anggap

itu betul. Kalau pun pempengaruh itu minta maaf, tetapi dia buat dengan cara yang tak betul, tiada adab. Mungkin cara minta maaf sebegitu itu dianggap betul oleh sesetengah kanak-kanak.

“Mereka akan keliru mana satu adab yang sebetulnya. Jadi, pengaruh media sosial sangat bahaya kepada kanak-kanak. Biarlah mereka membesar dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat daripada guru yang bertauliah,” jelasnya.

Tentang kerjaya, sempena 30 tahun dalam industri, Haiza akan muncul dengan lagu Dag Dig Dug 2025 yang dirakam semula selepas hari raya nanti.

“Kalau buat lagu baharu, m u n g k i n agak susah u n t u k m e n c u r i perhatian orang. Jadi rakam semula lagu Dag Dig Dug ini dengan susunan muzik yang lebih segar dan sesuai dengan perubahan muzik sekarang. Namun masih mengekalkan irama dangdut,” tambahnya. 

HAIZA akui terpaksa bertegas dengan anak dalam hal berkaitan media sosial.

# Fattah Amin tidak mahu terbuai perasaan

**RAMADAN** kali ini cukup berbeza buat pelakon Fattah Amin apabila menjalani ibadah puasa secara bersendirian tanpa insan bergelar isteri di sisi.

Pelakon filem Pendekar Awang: Darah Indera Gajah itu jujur mengakui timbul rasa sayu kerana selama tujuh tahun, ada seseorang yang mengejutkannya bangun sahur dan menyediakan juadah berbuka.

Namun kini hanya permata hatinya, Nur Fatima Aisyah, 4, ibu bapa serta adik-beradik menjadi tempat dia menumpang kasih.

“Jujur memang terasa berbeza dan sayu apabila terpaksa menjalani ibadah puasa sendirian. Alhamdulillah saya masih ada keluarga, ibu ayah, Fatimah dan juga adik-beradik.

“Mereka inilah yang menjadi tulang belakang saya sekarang dan saya juga bersyukur kerana masih dapat menjalani ibadah puasa sebagai satu keluarga yang harmoni,” kata Fattah.

Fattah ditemui pada Majlis Sidang



FATTAH ketika beraksi dalam drama bersiri Bidaah.

Media Drama Bersiri Bidaah yang menemui penonton bermula 6 Mac di platform Viu.

Tidak mahu terlalu melayani perasaan, aktor berusia 34 tahun itu cuba menyibukkan dirinya dengan kerja.

Sejak sah bercerai dengan aktres

dan juga usahawan Nur Fazura pada Oktober tahun lalu, rezeki bekas peserta pencarian bakat Hero Remaja itu mencurah-curah.

Fattah akui sengaja menyibukkan dirinya agar tidak berada dalam fasa kesedihan berpanjangan.

Bagaimanapun dia menganggap

apa yang berlaku adalah qadak dan qadar Allah serta ujian untuk menjadikannya lebih kuat.

“Betul memang saya tak nafikan sengaja sibukkan diri dengan kerja. Walaupun Ramadan kali ini amat berbeza tetapi saya kena kuat kerana apa yang terjadi sudah ditakdirkan.

“Sebagai umat Islam, saya sentiasa percaya jodoh, rezeki dan ajal semuanya sudah tertulis.

“Bila tiba masa Allah mengambilnya, kita semua kena reda dan jangan persoalkan kenapa jadi macam ini atau macam itu. Sentiasa bermuhasabah dan terima takdir yang tertulis itu dengan terbuka dan tenang,” katanya.

Fattah yang memegang watak Ustaz Hambali dalam drama Bidaah arahan Pali Yahya berkata dia juga masih belum terfikir untuk berehat walaupun jadualnya padat sejak Oktober tahun lalu.

Menganggap tawaran kerja yang datang sebagai rezeki, Fattah hanya ingin melunaskan kepercayaan diberikan klien dengan baik.

“Setakat ini saya belum terfikir untuk berehat. Saya seronok dengan apa yang dilakukan sekarang.

“Kalau tengok di media sosial, memang setiap hari saya bekerja. Seperti pernah saya beritahu sebelum ini, kerja adalah ‘escapism’ untuk saya.

“Saya pun manusia biasa, walaupun saya lelaki tetapi kadang-kadang terbuai juga dengan perasaan. Bagi melupakan apa yang berlaku, saya sibukkan diri dengan bekerja,” katanya.

Fazura memfailkan permohonan cerai terhadap Fattah di Mahkamah Rendah Syariah Petaling, Subang Bestari pada 13 September tahun lalu.

Fattah dilaporkan terkejut dengan tindakan bekas isterinya memfailkan perceraian dan hanya mengetahui perkara itu menerusi media sosial.

Pasangan itu mendirikan rumah tangga pada 27 November 2017. Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan cahaya mata perempuan, Nur Fatima.

# Bufet Ramadhan

## @PUTRAJAYA



### Cita Rasa Klasik

3 - 28 MAC 2025

HARGA PEMBELIAN AWAL	HARGA BIASA
1 JAN - 14 MAC 2025	15 MAC - 28 MAC 2025
DEWASA RM 98 BERSIH / SEORANG	DEWASA RM 109 BERSIH / SEORANG
KANAK-KANAK (6-12 Tahun) / WARGA EMAS RM 49 BERSIH / SEORANG	KANAK-KANAK (6-12 Tahun) / WARGA EMAS RM 55 BERSIH / SEORANG

HOTLINE : +6013-529 9496

PULSE GRANDE HOTEL  
PRECINCT 1, PUTRAJAYA, MALAYSIA

### Santai Iftar

#### SELERA Malaysia

2 - 28 MAC 2025

HARGA BUFET RAMADAN	
DEWASA RM 138 BERSIH / SEORANG	KANAK-KANAK (5-12 Tahun) RM 69 BERSIH / SEORANG

HOTLINE : +6010-228 5353



### Taste of MODERN CHINESE CUISINE

#### SAJIAN ISTIMEWA RAMADAN

3 - 28 MAC 2025

DEWASA	KANAK-KANAK
RM 80 BERSIH / SEORANG	RM 50 BERSIH / SEORANG

HOTLINE : +6016-609 9650



### Iftar Cruise Package

	DEWASA	KANAK-KANAK
ISNIN - KHAMIS	RM130.00	RM95.00
JUMAAT - AHAD & CUTI UMUM	RM140.00	RM100.00

TEMPAHAN MINIMUM UNTUK 30 ORANG

HOTLINE : +6010-984 7100



Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group) (581776T)  
A wholly-owned subsidiary of Perbadanan Putrajaya  
Putrajaya International Convention Centre (PICC),  
Precinct 5, 62000 Putrajaya, Malaysia  
T: +603 8887 6000 | F: +603 8887 6499 | E: enquiry@pulsegroup.com.my

